

NADI insan

MEI 1982
KDN O167/82
ISSN O126-9364
\$1.00

UNIVERSITI: MENARA GADING?

- Kemarau Di Jelapang Padi
- Amerika Tengah Menyala
- Krisis Poland: Dua Pandangan
- Cerpen Mohd. Affandi Hassan
- Pemburu: Memburu Mutu Dalam Seni?





(Granular: Dennis Muren)

NADI insan

Para pembaca dilingatkan bahwa bahan-bahan yang diterbitkan di dalam keluaran NADI INSAN ini tidak semestinya menggambarkan pendirian penerbit (INSAN) atau sidang Redaksi majalah ini.

Penerbit : Institut Analisa Sosial (INSAN)
 Peti Surat 26, Kajang, Selangor.
 Redaksi : Dr. Mohd. Nasir, Mohd. Daud, Rohana, Dr. Jomo.
 Pelukis : Jaseni, Lim.
 Pencetak : Champion Printers Sdn. Bhd.
 Pengedar : Syt. Usahasama Farook Subky, Jln. Abdullah, Bangsar, K.L.

BILANGAN 37

MEI 1982

- | | |
|------------------------|---|
| wawancara
nasional | 3 Sharom Mohd. Dom, Seniman |
| | 7 Tenaga Akademik Risau |
| | 9 Intelek, Universiti & Pembangunan |
| | 12 Tanggungjawab Mahasiswa Terhadap
Masyarakat |
| antarabangsa
kartun | 14 Kemarau Di Jelapang Padi |
| antarabangsa
kartun | 15 The Debate on Poland |
| cerpen | 20 Senyum Pekerja |
| filem | 22 Kecoh Di Bangladesh |
| | 23 Amerika Syarikat Di Amerika Tengah |
| | 30 Al-Kisah Kapitalisme |
| | 34 Jambatan Tidak Menyeberang |
| | 38 Pemburu Memburu-buru |

Shahrom Mohd. Dom membicarakan tentang cita-citanya dalam dunia filem. Beliau adalah seorang pengarah yang boleh dibanggakan dari segi mutu keluarannya.



Jelapang padi Malaysia, kalau tak retak, boleh didapati kering kontang jika kemarau berpanjangan. // melaporkan bagaimana teruknya keadaan yang dialami kali ini oleh pesawah padi di kawasan-kawasan Muda dan Kemubu.

Dulu Nicaragua, sekarang El Salvador dan Guatemala. Apa yang sedang berlaku di Amerika Tengah dan apa pula tindakan pemerintah Amerika Syarikat?



Malaysia mempunyai 5 buah universiti. Apakah peranannya dalam masyarakat. Menara gading? Bagaimana pula dengan kebebasan di universiti-universiti ini dari segi para mahasiswa dan para pensyarah.

**JIMATKAN WANG
NADI TERUS
KE RUMAH
insan ANDA**

6 bulan 1 tahun

Harga langganan \$5.50 \$10.00
Anda menjimatkan .50s \$2.00

BORANG LANGGANAN

Nama & Alamat _____

Sila kembalikan borang serta bayaran kepada:
 INSAN, Peti Surat 26, Kajang, Selangor.

Di Luar Negeri	Mel Biasa	Mel Udara
Asia Tenggara —	MS16	MS24
Asia Selatan, Asia Timur, Australia New Zealand —	MS16	MS28
Timur Tengah, Eropah —	MS16	MS36 (£ 4)
Afrika, Amerika —	MS16	MS44 (USS8)
		(USS22)

(Langganan Setahun)



PENA PENYUNTING

Apakah sepatutnya peranan universiti dalam masyarakat, terutama sekali masyarakat Malaysia? Apakah universiti di Malaysia merupakan menara gading yang terpisah dari masyarakat? Bagaimana pula dengan peranan golongan cerdik-pandai, terutama sekali yang terdapat dalam universiti? Bagaimana pula dengan otonomi atau kebebasan universiti masakini dan apa pula sikap para mahasiswa-mahasiswa dan golongan pensyarah terhadap keadaan ini?

Keluaran NI ini cuba menghadapi persoalan-persoalan ini. Ucapan Y.B. Datuk Manan Othman mengecam golongan yang berpura-pura sebagai intelektual tetapi tidak menunaikan tanggungjawab golongan cerdik-pandai yang sepatutnya terhadap pembangunan masyarakat. Petikan dari ucapan presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya pula mencerminkan sikap pucuk pimpinan baru mengenai peranan pergerakan mahasiswa yang sepatutnya. Terdapat juga makalah-makalah lain yang membincangkan sekatan-sekatan terhadap kebebasan di universiti-universiti terhadap kebebasan di universiti-universiti Malaysia serta masalah dalam hubungan antara pentadbiran universiti dan para pensyarah.

Perhatian dunia telah tertarik oleh Amerika Tengah

beberapa tahun lalu setelah kejayaan golongan revolusioner dalam usaha menggulingkan pemerintahan kuku-besi Somoza yang didukung oleh kerajaan Amerika Syarikat. Lawatan presiden AS, Ronald Reagan ke rantau itu baru-baru ini telah mencerminkan strategi baru AS untuk mencegah revolusi-revolusi di Amerika Tengah. Perkembangan politik di beberapa negara berkenaan berpunca dari keadaan sosio-ekonomi masing-masing.

Pandangan-pandangan terhadap perkembangan-perkembangan di Polang kebelakangan ini amat berbeza. Dalam keluaran ini, kami menyatakan dua pandangan berlainan oleh Daniel Singer, seorang penulis yang terkenal dengan karya-karyanya mengenai Polang, dan Victor Uno, seorang wartawan Filipina yang terkenal.

Kemarau di utara Semenanjung Malaysia pada penghujung tahun lalu dan awal tahun ini telah banyak menjelaskan kehidupan pesawah padi di kawasan-kawasan Kemubu dan muda. Ikutilah artikel yang berikut mengenai kesan-kesannya.

Pada bulan ini, kami mengucapkan Selamat Hari Buruh kepada seluruh kaum pekerja, terutama sekali pembaca *Nadi Insan*. Dengan keluaran ini juga, majalah ini genap 3 tahun dalam usianya.

Bila di Melaka singgahlah di

MOTEL TANJUNG KLING

Pantai Pengkalan Perigi

Tanjung Kling

Melaka.

Nombor Telefon:

06 - 80652



SHAHROM MOHD. DOM SENIMAN

NI: Saudara mulai dikenali di peringkat nasional melalui siri "Warisan" yang disiarkan oleh RTM. Apakah tujuan siri itu dan sejauhmanakah siri itu mencapai matlamat asalnya?

SMD: Siri rancangan sejarah di tv, WARISAN, telah diterbitkan dengan kerjasama Persatuan Sejarah Malaysia. Saya telah mewakili Persatuan Sejarah Malaysia dan bertanggungjawab menyediakan skrip, membuat kajian dan menyelenggarakan penerbitan rancangan tersebut selama dua tahun, dari '74-'75.

Tujuan utama rancangan tersebut ialah mengumpulkan bahan-bahan lisan sejarah dan mahu menimbulkan minat tentang sejarah tanahair kepada penuntun-penuntun tv. Disamping itu saya mahu membawa matapelajaran sejarah keluar dari bilik kuliah dan dapat membuktikan bahawa penduduk-penduduk tempatan juga memiliki pengetahuan dan nilai sejarah mereka yang kerap kali pula berbeda dengan kajian-kajian para mahaguru kita di universiti dan juga dari buku-buku yang telah diterbitkan.

Jika diteliti dari segi sambutan, siri WARISAN telah mencapai matlamatnya. Siri ini diberhentikan hanya kerana saya tidak mampu lagi dari segi tenaga menyambungnya pada tiap-tiap minggu!

NI: Apakah kelebihan dan kelemahan siri itu, pada hemat Sdr., kalau dinilai sekarang?

SMD: Saya rasa, kelebihan siri WARISAN ini ialah saya telah membawa penuntun-penuntun menjelalahi keseluruh pelusuk negara. Kami telah berjaya menggambarkan tempat-tempat bersejarah samada di peringkat daerah, negeri maupun negara. Saya harus merakamkan rasa terima kasih kepada RTM khasnya kepada penerbit-penerbit Aziz Abas dan Tan Mutalib yang telah menunjukkan minat mereka dan akhirnya menjadi terpelajar dibidang sejarah tanahair, secara tidak langsung pula.

Kelemahan yang paling jelas bagi WARISAN ialah bentuknya yang agak mudah. Ianya membentangkan cuma satu aspek dan interpretasi sejarah sahaja. Ianya tidak berbentuk akademik, tetapi lebih mirip kepada sifat 'popular'.

Perkara ini sememangnya telah disedari dari awal-awal lagi. Ianya juga tidak dapat dielakkan kerana bentuk persembahan di tv serta dasar dan tatasusila tv yang harus dipatuhi. Faktor ini harus diambil-kira kerana tujuan rancangan ini bukanlah hendak mengajar dan memberi kuliah, ataupun hendak menimbulkan perbincangan dan polemik. WARISAN cuma mahu mendedahkan rakyat kepada sejarah!

NI: Setelah beberapa kejayaan pada peringkat tv, Sdr. telah menceborkan diri di bidang profileman melalui Syed Kechik Films Productions. Pada pendapat Sdr., sejauhmanakah kepentingan-kepentingan perniagaan membantu dan menjadikan usaha memajukan seni?

SMD: Soalan saudara ini melibatkan dua aspek yang sering dan masih dipertikaikan dikalangan orang-orang filem; iaitu aspek-aspek filem sebagai perniagaan dan filem sebagai hasil karya seni!

Secara langsung, saya terlibat dalam sebuah syarikat perniagaan yang membuat filem — yang menjadikan filem sebagai bahan dagangannya! Saya sedar bahawa saya membuat filem bukan untuk disimpan dalam arkib atau untuk dikaji oleh mahasiswa-mahasiswa sebagai bahan pelajaran kuliah.

Dari titik-tolak ini seseorang pengarah tidak dapat bebas daripada desakan-desakan perniagaan apabila membuat filem. Tetapi ini tidak bererti bahawa mereka tidak boleh melahirkan filem-filem yang bermutu seni. Cecil be de Mille, Orson Welles, Cassevettes, Lucas, Spilberg, Copolla, Truffaut; malah Bunuel, Bergman, Fellini, Kurosawa, Ozu, Satyajit Ray... semuanya

menerbitkan filem dagangan yang bermutu seni.

Ini membuktikan bahawa unsur perniagaan tidak menghalang penerbitan filem-filem yang seni. Mungkin akan timbul polemik yang meragukan istilah 'seni' itu sendiri dari segi perfileman. Apakah dia seni? Mungkinkah filem berbentuk seni?

Masalah-masalah ini telah dihuraikan oleh Ernest Lindgren dalam bukunya 'The Art of Film'. Dan beliau telah memetik kata-kata Pudovkin, seorang pengarah klasik, yang menegaskan pada tahun 1933 lagi: '*I am sure that sound film is potentially the art of the future... it is a synthesis of each and every element – the oral, the visual, the philosophical; it is our opportunity to translate the world in all its lines and shadows into a new art form that has succeeded and will supersede all older arts, for it is the supreme medium in which we can express today and tomorrow.*'

Tetapi masalahnya, bagaimana pula hendak mencapai taraf 'seni' ini dalam filem? Apakah kriteria-nya?

Saya berpendapat, seseorang pengarah itu harus mahir dalam 'the art of the film' sebelum filemnya boleh dianggap sebagai 'art'. Dan 'the art of the film' ialah satu pengetahuan yang punya tradisinya sejak awal abad 20 ini, punya hukum-hukumnya, ada peraturannya, ada konsepnya, ada teorinya, dan ada a, b, c, ... nya!

Dari segi ini, saya rasa, perniagaan tidak ada kaitannya dengan filem yang bermutu seni! Maksud seni sebagai 'art', bukannya seni seperti hiburan! Saya percaya, sesebuah filem, walaupun berbentuk hiburan, masih boleh mencapai tahap seni!

NI: *Apakah yang Sdr. cuba menyampaikan melalui filem-filem yang Sdr. pernah buat? Misalnya, apakah utusan yang Sdr. ingin menyampaikan melalui 'Bintang*

Penggambaran Langit Petang

Pujaan', dsb.?

SMD: Sebelum menjawab soalan saudara ini, saya ingin menjelaskan terlebih dahulu bahawa producer saya, Datuk Syed Kechik dan saya sendiri berpendirian bahawa filem-filem keluaran Syed Kechik Film Productions mestilah mempunyai 'message' yang menguntungkan masyarakat. Malah Datuk Syed Kechik sendiri enggan membiayai filem-filem yang mementingkan hiburan semata-mata!

Saya sedar bahawa mungkin ada diantara pencinta seni yang meragukan unsur 'message' ini dalam karya-karya seni. Mereka bertanya, apakah perlu ada 'message' dalam karya seni? Sepertimana juga mereka bertanya tentang masalah plot, perwatakan, cerita dan sebagainya.

Berkaitan dengan masalah ini, serta istilah 'seni' itu sendiri dalam filem, saya teringat pada kata-kata Ivan Watson dalam bukunya 'What Shall I Film?' Beliau menulis: '*The arty-party boys will tell you that contrived 'plots' are old hat – that nobody constructs a work of art. It's an organic thing that grows from an idea and, like life itself, is untidy. Real-life conflicts and tensions aren't neatly resolved to suit the exigencies of a plot with a beginning, middle and end.*

So you get the 'open-ended play'....

It's the easiest thing in the world to throw away all the accepted disciplines of good craftsmanship and call it 'art'. Then anyone can become an 'artist' by throwing a bucket of paint on the floor and rolling in it. Photographers who don't know an f-stop from a 'bus-stop' produce soot and whitewash, sculptors bend a few pieces of wire into improbable shapes – and far out characters make 'underground' movies technically on the level of the worst home made movie you ever saw.

They are all 'artists'. They all have a magnificient scorn for the craft they never learnt. And most of them



are pretentious con-men with about as much talent as a pop guitarist practising the three-chord trick.'

Walaupun agak keras nada tulisan Ivan Watson itu, tetapi ianya harus kita sedari sebagai masalah-masalah 'seni' yang selalu dipersoalkan dalam filem!

Dari segi Bintang Pujaan, saya hanya ingin menyatakan bahawa filem tersebut lebih berbentuk 'kosmopolitan' dan ianya adalah sejagat dalam erti kata boleh berlaku dalam mana-mana masyarakat sekalipun! Dan mungkin, itu adalah satu kesilapan dan kelemahan filem tersebut! 'Masalah dan 'message'nya adalah terlalu kosmopolitan dan kebaratan; . . . tetapi nyata tidak berkaitan dengan ideologi sosialis sepertimana hendak dibodoh-bodohkan oleh sebuah akhbar tempatan (yang masih mahu melaungkan suara yang sama apabila menilai Langit Petang juga).

ucapan tahniah yang tidak terhingga dan terus memberikan lapan pawagam untuk tayangan serentak di panggung-panggung Cathay.

Keempat, pegawai-pegawai tinggi tentera yang menghadiri tayangan-tayangan Perdana berasa kagum dan tidak menyangka bahawa filem Melayu telah mencapai satu taraf yang tinggi seperti Langit Petang.

Dan kelima, kritikan dari rakan-rakan saya di tv dan di universiti setelah menuntun preview filem ini adalah menggalakkan.

Menurut Saudara A. Samad Said, pungutan di box-office filem ini terjejas mungkin kerana kritikan negatif yang bertalu-talu datangnya dari sebuah akhbar tempatan, terutamanya terhadap diri saya. Beliau juga berpendapat bahawa filem Langit Petang mungkin terlalu berat untuk diterima oleh penuntun-penuntun filem



Penggambaran Langit Petang

NI: Filem Sdr. yang terbaru iaitu "Langit Petang" tidak begitu berjaya dari segi 'box office'. Pada hemat Sdr. apakah sebab sebaliknya?

SMD: Filem LANGIT PETANG dari segi pungutan di box office adalah 'average' — tidak mengecewakan! Yang mengecewakan ialah sepatutnya ia mampu lebih baik daripada itu! Saya berpandukan dari beberapa faktor.

Pertama, Saudara A. Samad Said sendiri telah berpuas hati apabila beliau menuntun 'double-heads' filem ini; hinggakan beliau bersetuju diubah credit-line 'di-ilhamkan' kepada 'dipadankan' dari novel karya A. Samad Said.'

Kedua, pendapat-pendapat dari kakitangan dan keluarga perwakilan Malaysia di Hong Kong apabila menuntun filem ini setelah selesai diproses amat membanggakan.

Ketiga, apabila filem ini di preview oleh pihak Pertubuhan Cathay; Pengarah Urusannya Encik Choo Weng Choon sendiri telah menalipon saya dan memberikan

Melayu amnya.

Encik Choo Weng Choon pula menganggap bahawa kenyataan A. Samad Said disebuah akhbar Inggeris (yang telah diakui sendiri oleh Saudara A. Samad Said sebagai tidak tepat) telah mempengaruhi pungutan di box office.

Dan kebanyakan laporan yang diterima, samada di Kuala Lumpur mahupun di tempat-tempat lain, menunjukkan bahawa penuntun kurang menggemari bahagian akhir filem ini, terutamanya lakunan Shasha di perkuburan.

Tetapi bagi saya, faktor yang utama ialah kurang cekapnya pihak kami mengendalikan publisiti dan menguruskan sistem pemasaran filem ini. Kelemahan ini saya akui disamping mengambil kira faktor-faktor 'intrinsic' yang bersabit dengan filem itu sendiri.

Secara tidak langsung pula saya amat bangga kerana melalui filem Langit Petang ini telah menampakkan dengan jelas dua kumpulan peminat dan pengulas filem-filem Melayu! Saya berasa terharu kerana ramai daripada

jenerasi muda filem telah bertumpu dan dapat menerima saya sebagai anggota mereka!

NI: *Sdr. telah dikritik kerana telah banyak mengubah cerita asal "Langit Petang" karya Samad Said. Pada hemat pengulas filem NADI INSAN, perubahan yang Sdr. lakukan itu telah menyelamatkan ceritanya kerana cerita asalnya yang banyak berunsur falsafah sukar dijadikan filem yang menarik. Lagipun konteks kawasan setinggan dalam cerita asal sudah banyak digunakan dalam filem-filem Melayu baru-baru ini dan pemindahan adegan-adegan berkenaan ke kawasan padi di Kedah merupakan sesuatu pembaruan yang juga telah memberi peluang kepada Sdr. untuk menimbulkan pertentangan-pertentangan baru yang telah timbul di kawasan desa akibat dari corak pembangunan desa lepas Merdeka. Sila ulaskan.*

SMD: Saya bersetuju dengan pendapat saudara bahawa novel Langit Petang adalah terlalu filosofikal untuk dijadikan filem cerita yang berjaya. Saya dan Saudara A. Samad Said menyedari hakikat ini, kerana itu kami telah berbincang dan sama-sama saling membantu untuk menjadikannya sebuah skrip filem. Kami juga menyedari akan 'constrain' lain yang terdapat sepetimana yang dijelaskan dalam majalah 'Penghibur' keluaran bulan April '82.

Tetapi saya agak kecewa sedikit kerana pengulas-pengulas filem kita kurang memahami akan 'pertentangan baru yang telah timbul di kawasan desa akibat dari corak pembangunan desa lepas Merdeka', sepetimana yang saudara nyatakan itu. Malah ada diantara mereka yang mengatakan bahawa tema filem ini adalah usang, kerana masalah tanah bukanlah satu perkara baru!!

NI: *Baru-baru ini pihak pemerintah telah cuba menggalakkan perusahaan filem Melayu di tanahair dengan memberi beberapa pelepasan cukai disamping mewujudkan badan profileman yang baru. Pada pandangan Sdr., apakah langkah-langkah ini akan dapat mencapai tujuan-tujuan yang dilaung-laungkan?*

SMD: Masalah yang dihadapi oleh perusahaan filem di negara kita adalah sama dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh negara-negara lain! Faktor-faktor cukai, kongkongan pawagam-pawagam dan pengedar filem, persaingan tv dan video-tapes, kemahiran dan kecekapan para karyawan filem dan sebagainya!

Kepada saya, perkara yang utama ialah berbentuk 'intrinsic'; iaitu faktor dalaman yang berhubung dengan filem itu sendiri. Segala-gala yang berhubung dengan industri profileman harus dibetulkan terlebih dahulu. Ini termasuk para karyawan, pemasaran, dan teknologinya! Faktor-faktor 'extrinsic' lain seperti Perbadanan Kemajuan Filem, cukai, publisiti dan sebagainya hanya bertindak sebagai penggalak kepada matlamat dan kemajuan perusahaan itu sahaja.

NI: *Apakah masalah-masalah utama yang dihadapi oleh perusahaan filem masakini dari segi lain dari per-*

niagaan? Pada hemat Sdr., apakah langkah-langkah yang perlu diambil demi mempertinggikan taraf filem Melayu, terutama sekali dari segi daya menariknya dan unsur keseniannya?

SMD: Pada hemat saya, masalah utama yang kita hadapai sekarang ialah tahap dan bentuk perusahaan profileman kita sendiri! Kepada saya, perusahaan filem kita masih bersifat amator — samada produser, pengarah, pelakun, juruteknik, pegawai publisiti, pemasaran, mahupun pengulas-pengulasnya! Sedangkan kita tahu bahawa profileman adalah satu bidang perusahaan professional — bukannya satu bidang pekerjaan sambilan, ikut selera, main-mainan ataupun perjudian! (Kaki judi juga ada yang professional!).

'Professional' disini dengan maksud bahawa seseorang itu pasti lengkap pengetahuannya, mahir, maju teknologi, specialist dalam bidangnya dan seorang pakar!

Perkara yang mendesak ialah meninggikan taraf kepakaran kita dalam bidang profileman. Tak usah kita berbicara tentang mutu, tentang nilai seni, tentang modal, tentang masalah pawagam, tentang cukai... sekiranya perkara yang asas, iaitu kemahiran dan kepakaran tidak dapat kita atasi! Dan saya meminta maaf, sekali lagi ingin saya katakan, kemahiran dan kepakaran tidak akan dapat diperolehi melalui 'pengalaman ataupun dengan trial-and-error'! Tidak ada yang menjadi doktor melalui pengalaman! Tidak ada yang diterima menjadi akauntan kerana pengalaman semata! Seorang doktor di Malaysia adalah sama dengan seorang doktor lain di luar negeri kerana kepakaran mereka, bukannya kerana asas pengalaman! Dan faktor yang menjadikan seseorang itu doktor, bukannya guru, akauntan atau pengarah filem, ialah kepakarannya!

Saya berasa bangga kerana pihak kerajaan, terutamanya FINAS (Perbadanan Kemajuan Filem), menyedari hakikat ini dan sedang bergerak untuk mengatasinya.

Memberi arahan kepada pelakun-pelakun



TENAGA AKADEMIK RISAU

Hafiz Ali

Pada Disember 1974, Prof. Tunku Shamsul Bahrin dan Prof. Madya Dr. S. Husin Ali, presiden dan setiausaha agung Persekutuan Persatuan-Persatuan Tenaga Akademik Universiti-Universiti Malaysia telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Prof. Tunku Shamsul — saudara Raja Permaisuri Agung Malaysia ketika itu yang juga menjadi Canselor Universiti Malaya sehingga kini — telah dilepaskan tidak lama kemudian, tetapi Dr. Husin hanya dilepaskan hampir 6 tahun kemudian.

Pada tahun 1975, Akta Universiti dan Kolej Universiti (1971) telah dipinda dan pada tahun 1978 peraturan-peraturan khas untuk kakitangan akademik telah dikenakan. Ustaz Fadzil Nor, bekas naib-presiden ABIM dan naib-presiden PAS sekarang, telah dibuang kerja dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada tahun itu setelah beliau bertanding dalam pilihanraya umum. Walau bagaimanapun, beliau telah memenangi kesnya di mahkamah kemudian dan UTM telah diperintah mengambilnya semula.

Peristiwa-peristiwa seumpama ini telah menjadi bahan perbincangan

khalayak ramai. Tetapi, di samping itu, terdapat juga banyak masalah lain yang diharap oleh tenaga akademik di universiti-universiti tempatan, termasuk masalah-masalah yang berkait dengan tangga gaji, syarat-syarat perkhidmatan, peperiksaan am, kenaikan pangkat, perlantikan dan sebagainya. Makalah ini menumpukan perhatian kepada beberapa masalah yang terdapat dalam perhubungan antara tenaga akademik dari segi pentadbiran universiti.

Di bawah Akta Universiti, sebahagian besar daripada anggota Majlis Universiti terdiri daripada ahli politik (biasanya dari parti pemerintah) dan pentadbir-pentadbir kanan yang amat sibuk dan tidak dapat menumpukan perhatian yang wajar terhadap urusan universiti.

Ini bererti dasar-dasar yang penting mengenai perjalanan sebuah universiti — seperti perlantikan, kenaikan pangkat dan syarat-syarat perkhidmatan — ditentukan oleh orang dari luar universiti. Tidak hairan lagi mengapa dasar-dasar ini sering mengejepitkan kepentingan masyarakat akademik.

Universiti: Jabatan Kerajaan?

Semua universiti tempatan diuruskan seperti jabatan kerajaan sejak lulusnya Akta ini. Ini bererti hampir semua peraturan yang melibatkan para pentadbir juga dikenakan kepada kakitangan akademik, semangat di kalangan para akademik merosot.

Amalan pemilihan dekan oleh para akademik sudah digantikan dengan perlantikannya oleh Naib Canselor. Masalah-masalah pilih kasih dan lain-lain sering timbul dalam keadaan demikian. Penghormatan para akademik terhadap pemimpin-pemimpin mereka juga merosot.

Suatu sebab lagi yang membawa kepada kemerosotan semangat kakitangan akademik ialah tangga gaji yang tidak begitu memuaskan kalau dibandingkan dengan apa yang ujud di sektor swasta, lebih-lebih lagi bagi pensyarah-pensyarah muda. Apa yang lebih mendukacitakan ialah jurang antara gaji para pensyarah kanan dan gaji para pensyarah muda bertambah tiap-tiap kali sekim gaji diubah.

Sudah tentu hal ini akan menimbulkan peasaan tidak puas hati di kalangan pensyarah muda yang

merupakan sebahagian besar dari pada kakitangan akademik. Bukan itu saja, mereka sering dikehendaki menanggung beban kerja seperti mengendalikan kuliah dan tutorial, yang jauh lebih berat.

Masalah Penyelidikan

Ini seterusnya tidak menggalakkan mereka menjalankan penyelidikan. Peruntukan wang demi tujuan ini juga tidak menggalakkan. Sebagai contoh, jumlah wang yang telah diperuntukkan untuk penyelidikan dalam tempuh sepuuh tahun yang lalu untuk semua Fakulti di Universiti Malaya ialah hampir sejuta ringgit setahun.

Memandangkan hakikat bahwa suatu mesin CAT scan untuk Fakulti Perubatan menelan sebanyak \$2.5 juta, maka kita akan sedar tentang betapa kecilnya jumlah yang telah diperuntukkan untuk penyelidikan.

Ada setengah pensyarah pula yang tidak dibenarkan menjalankan penyelidikan pilihannya sendiri walaupun pembiayaan tidak dipohon. Ada juga yang tidak dibenarkan menghadiri persidangan atas alasan-alasan yang tidak berasas dan ada pula yang dibiayai menghadiri persidangan setiap tahun, sedangkan pihak lain terus kecewa.

Kenaikan Pangkat

Walaupun penyelidikan adalah penting, khasnya untuk mengembangkan pengetahuan, banyaknya penyelidikan yang dijalankan oleh seseorang pensyarah jarang dijadikan kriteria untuk kenaikan pangkat. Di setengah universiti muda, kenaikan pangkat mula-mula adalah berasaskan berapa lamanya seseorang ini sudah berkhidmat.

Dengan cara demikian, jawatan-jawatan tinggi seperti profesor Madya dan professor dengan cepatnya diambil oleh pensyarah yang lebih kanan. Ini bererti peluang-peluang kenaikan pangkat menjadi terbatas bagi mereka yang datang kemudian walaupun mereka mungkin lebih giat dari segi penyelidikan.

Akibat ini dan lain-lain faktor, seperti beban kerja yang lebih berat, kurangnya peruntukan untuk penyelidikan dan sebagainya, maka perasaan tidak senang hati sudah tentu ujud dikalangan pensyarah-pensyarah muda. Tidak hairanlah mengapa keadaan akademik di universiti-universiti tempatan adalah begitu tidak sihat sekali dengan setengah pensyarah yang lebih berminat menceburkan diri dalam spekulasi pasaran saham dari menjalankan penyelidikan.

Cadangan-Cadangan

Demi mempercepatkan pentadbiran universiti, terutama sekali dari segi hubungan dengan tenaga akademik universiti-universiti tempatan. Soal pokok ialah supaya universiti sentiasa mengutamakan nilai akademik.

Misalnya, pentadbiran universiti patut menjamin pembiayaan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang perlu untuk pengajaran, penyelidikan dan untuk menghadiri persidangan-persidangan. Tugas-tugas pengajaran dan penyelidikan harus diutamakan kalau dibandingkan dengan tugas-tugas pentadbiran. Kalaulah sumber-sumber kewangan tidak mencukupi, perbelanjaan untuk pemberian kereta, upacara dan sebagainya patut dianggap kurang penting.

Untuk menyaminkan bahawa penyelewengan tidak berlalu dalam pentadbiran tidak patut dipusatkan, tetapi sebaliknya diagihkan, misalnya melalui jawatankuasa yang dipilih secara demokratik dan bukan dilantik dari atas.

Seorang akademik tulen tidak patut menjadi *gila kuasa* dan patut sanggup, malah ingin digantikan apabila tempat perkhidmatannya tamat. Sistem ganjaran bertingkat juga patut mencerminkan keutamaan kepada pengajaran dan penyelidikan, bukan pentadbiran.

Keputusan-keputusan penting yang mempengaruhi kemajuan universiti harus dibuat dengan penglibatan para akademik, misalnya melalui Senat, dan bukan hanya pada peringkat Majlis universiti yang hanya melibatkan segerlintir akademik.

Demi mengatasi masalah-masalah seumpama ini, semua universiti harus mempunyai jawatankuasa bersama antara pihak pentadbiran serta kakitangan akademik dan am. Jika semua pihak bersikap jujur dan ikhlas, sebahagian besar dari masalah-masalah yang sedia ada dapat diselesaikan.



INTELEK, UNIVERSITI DAN PEMBANGUNAN

Dato' Manan Othman
Menteri Pertanian

Ucapan perasmian oleh Y.B. Dato Abdul Manan b. Othman, Menteri Pertanian, di Bengkel Mengenai "Isu-isu dalam Pengajian Pembangunan di Negara-negara Asean" di Universiti Malaya pada 14 Dis. 1981.

Kertas latarbelakang Bengkel ini menerangkan yang minat utama bengkel ini bukanlah secara langsung mengenai isu-isu pembangunan seperti kemiskinan, pekerjaan dan pembahagian pendapatan, tetapi lebih ke arah penilaian ke atas kese- daran atau keinsafan serta bentuk reaksi terhadap masalah-masalah tersebut seperti terbayang dalam kandungan kursus-kursus di institusi-institusi pelajaran, kita, terutamanya di universiti-universiti.

Dengan lain perkataan, penekanan utama bengkel ini bukanlah mengenai isu-isu pembangunan tetapi lebih mengenai sikap terhadap isu-isu tersebut seperti ter- bayang dalam kandungan pelajaran kita.

Pada hmat saya, persoalan yang sedemikian amat menarik dan ber- sesuaian dengan keperluan masyarakat kita kini. Ianya membangkitkan persoalan-persoalan pokok seperti umpamanya adakah kita sedar atau tidak akan masalah-masalah kita, dan adakah kita betul-betul mengambil berat dengan jujur.

Persoalan-persoalan pokok ini mungkin tampak enteng dan tidak bermakna bagi setengah-setengah pihak. Sebenarnya tidak keterlaluan sekali kalau kita katakan yang persoalan-persoalan tersebut mempersoalkan kewujudan universiti- universiti dan institut-institut

pelajaran kita sendiri serta menyentuh pula tanggapan intelek dan intelijensia kita akan peranan-peranan mereka dalam pem- bangunan.

Oleh kerana kandungan pelajar- ran kita sebahagian besarnya men- cerminkan pemikiran dan sikap institusi-institusi pelajaran dan sikap intelek dan intelijensia, ke- kuatan dan kelemahan kandungan pelajaran kita dalam menyambut keperluan-keperluan pembangunan kita merupakan juga satu ukuran kekuatan dan kelemahan universiti- universiti dan institusi-institusi pelajaran kita, dan juga kekuatan- dan kelemahan para intelek dan intelijensia yang mengendalikannya.

Dengan secara tegas, dapat di- rumuskan bahawa pelajaran atau pendidikan yang tidak mengambil berat bermakna juga golongan intelijensia yang tidak mengambil berat atau peduli, manakala pelajaran yang hidup, bertujuan pula menunjukkan pengaruh kumpulan-kumpulan intelek dan intelijensia yang bersungguh-sungguh, dedikasi dan berkebolehan. Apa sebenarnya yang dinilai dan dipertanggung- jawabkan dalam bengkel ini ialah pendirian, sikap dan ketegasan kita terhadap masalah-masalah kita sendiri.

Oleh itu, saya berharap yang dalam penilaianya ke atas sambutan sistem pelajaran kita akan caba- ran pembangunan, bengkel ini akan berakhir dengan gambaran menye- luruh yang sihat. Sekiranya penilaian menggambarkan keadaan yang malap, langkah-langkah bersesuaian perlu diambil dengan segera untuk

mengatasi kelemahan-kelemahan.

Walau bagaimanapun adalah mustahak ditegaskan di sini yang langkah-langkah pembetulan tidak seharusnya terbatas hanya pada proses luaran. Tidak memadai sangat kalau kita hanya menumpu dan membataskan perhatian dan minat kita hanya kepada struktur kursus, kandungan kursus dan buku-buku teks yang digunakan kerana langkah-langkah tersebut hanya memberi gambaran yang tidak lengkap dan menyeluruh.

Di samping proses luaran, proses pendalamannya juga sama pentingnya, jika tidak lebih penting dari pendekatan luaran. Oleh kerana kelemahan-kelemahan kandungan pelajaran kita merupakan juga satu ukuran kelemahan-kelemahan para intelek dan intelijensia kita, mereka mestilah mempunyai keberanian dan kesanggupan memeriksa dan menilai diri sendiri.

Para intelek dan intelijensia perlu mencari sendiri dan dengan keikhlasan hati menilai semula ide- ide, pelajaran dan sumbangan mereka terhadap pembangunan secara positif. Kekuatan moral dan kejujuran intelek yang sedemikian sangat-sangat dikehendaki untuk menjamin keutuhan negara-negara kita yang bersifat negara-negara membangun.

Telah menjadi perhatian umum dan memang sewajarnya, yang tanggungjawab dan pengaruh golongan intelek dan intelijensia adalah lebih besar dalam masyarakat-masyarakat mem- bangun kerana mereka mewakili satu golongan minoriti yang kecil,

akan tetapi berpengaruh sekali, pada mana golongan miskin dan yang kurang pelajaran menggantung harapan.

Seandainya para intelijensia kita lebih cenderung kepada menumpukan perhatian dan minat untuk hanya menjaga kepentingan dan keserasian sendiri, dan memisahkan diri dari aspirasi dan keperluan rakyat, sudah tentu usaha pembangunan kita akan terjejas.

Jauh dari menjadi barisan hadapan dalam usaha pembangunan kita, mereka sendiri sebaliknya menjadi masalah atau beban dalam usaha pembangunan kita. Saya berharap yang para intelek dan intelijensia kita akan dengan secara sedar membentras sikap tidak mengambil berat dan peduli di kalangan mereka kerana sikap demikian pasti akan mempengaruhi pelajaran kita.

Seterusnya sistem pelajaran kita akan menjadi satu mekanisma yang berpengaruh sekali dalam mengotori jiwa dan akhlak jenerasi muda kita, mengeluarkan beribu-ribu graduan yang juga tidak mengambil berat atau peduli dan yang didorong oleh hanya kepentingan diri sendiri.

Sama ada kita suka atau tidak sebahagian besarnya mutu pelajaran kita bergantung kepada pengaruh intelijensia yang mengilhamkannya. Ini bermakna mutunya bergantung kepada hasil konflik di antara mereka yang betul-betul berkebolehan, bersungguh-sungguh dan berdedikasi dalam kegiatan intelektuil dan mereka yang palsu dan yang hanya berminat terhadap keistimewaan-keistimewaan dan keuntungan dari kedudukan sarjana dan para intelek.

Mereka yang betul-betul cenderung patut secara sedar memerangi pengaruh sarjana-sarjana palsu. Dijauhi Allah institusi-institusi pelajaran kita jatuh ke bawah pengaruh mereka-mereka yang tidak jujur dan sarjana-sarjana palsu. Sekiranya ini berlaku, kita akan mendedah



Tasik Utara 21.9.74

jenerasi muda kita kepada pengajaran yang tidak baik, yang tidak samasekali dapat kita anggap pendidikan.

Oleh kerana saya menganggap ini satu isu yang penting, yang menyentuh terus teras minat kita dalam soal pelajaran, ada eloknya saya sentuh secara ringkas bagaimana dan cara-cara intelek-intelek palsu menjelas mutu pelajaran kita.

Oleh kerana minat mereka tidak tulen dalam kegiatan intelek, sudah tentulah mereka tidak berkebolehan dalam bidang-bidang yang mereka mengakui menjadi pakar. Kemampuan mereka yang terbatas memaksa mereka mematikan cepat-cepat semangat ingin tahu yang tulen di kalangan penuntut, kerana takut nanti kemampuan mereka yang terbatas akan terdedah.

Di sini, beberapa pendekatan atau kaedah dapat diamalkan. Mereka boleh menggunakan pendidikan sehalia di mana mereka sahaja yang memberi pendapat dan penuntut-penuntut dinafikan sebarang peluang berdialog secara dua-hala yang lebih bermakna dan bermanfaat kerana terdapat peluang bertukaran pendapat.

Dalam pendekatan satu-hala yang sepi dari sebarang perbincangan, dialog dan renungan, sudah tentu penuntut-penuntut yang cenderung ingin tahu dan kritikal akan dianggap sebagai pengacau yang perlu dibentras habis-habisan.

Ini bisa diusahakan dengan menggunakan markah sebagai gula-gula atau ugutan. Menerusi kuasa mempengaruhi keputusan murid-murid, sarjana palsu berjaya menundukkan semua dan dengan itu mematikan semangat intelek yang tulen di kalangan penuntut-penuntut.

Satu lagi pendekatan yang sering digunakan oleh para intelek dan intelijensia yang tidak jujur ialah penekanan ke atas amalan melancar. Sengaja mereka rangka penuntut-penuntut yang berkenaan menguburkan idealisme dan minat intelektuil mereka dan mengambil keputusan mencari jalan mudah dengan menumpukan perhatian hanya kepada usaha mengejar sijil.

Di bawah pengendalian guru atau pensyarah palsu, formula yang paling berkesan untuk mendapat kejayaan dalam mengejar sijil ialah sikap pak turut, penerimaan bulat-bulat, dan kesanggupan menghafal apa juar yang disogok dan memuntahkannya semula di peperiksaan dan jangan sekali-kali menunjuk pandai.

Sifat-sifat seperti ketandusan intelektuil, kepapaan moral dan sikap mengampu menjanjikan kejayaan dalam mengejar sijil di bawah pengelolaan guru-guru atau pensyarah-pensyarah yang negatif. Oleh itu, kursus-kursus yang tidak berguna yang papa kandungan intelektuilnya tidak dipersoalkan dan terus dikendalikan.

kursus-kursus mereka dengan cara yang membuat penuntut-penuntut terlalu sibuk untuk mengganggu mereka.

Bahan-bahan rujukan dan bacaan yang disenaraikan selalunya bersifat bosan, susah-susah bahasanya dan tidak berguna kerana jenis yang demikian sesuai sekali untuk menghabiskan saki-baki tenaga intelektuil yang masih terdapat pada penuntut-penuntut.

Akibatnya, kita memperolehi penuntut-penuntut yang kebingungan, yang terlalu keliru untuk menyelesaikan kekusutan mereka sendiri. Dengan lain perkaatan, apa yang mereka tak tahu pun mereka tak tahu.

Sudah pasti penuntut yang demikian rupa tidak mampu atau berkedudukan untuk menilai secara kritikal kemampuan guru-guru mereka yang terbatas, keciwa, hampa dan diperbuat sesuka hati oleh guru-guru atau pensyarah mereka,

Kejayaan pembangunan kita ber-
gantung rapat dengan kekuatan
tradisi intelektuil, falsafah dan sains
kita. Tradisi intelektuil, falsafah
dan sains yang lemah tidak dapat
membantu kita menghadapi
cabaran pembangunan kita.

Tanpa tradisi intelek, falsafah
dan sains yang kaya dan hidup,
yang seharusnya mempengaruhi
sistem pelajaran kita, sebahagian
besar dari usaha pembangunan kita
akan sia-sia. Bagaimana kita boleh
maju sekiranya pandangan intelektuil,
falsafah dan sains kita terbatas
sekali.

Kita tak akan mampu untuk me-
mahami masalah kita, apatah lagi
untuk menyelesaiannya. Tanpa
tradisi intelektuil, falsafah dan sains
yang dinamis, proses pembangunan
itu sendiri akan menjadi satu
misteri.

Ramai akan melaungkan pem-
bangunan tetapi sedikit sekali yang
memahami bentuk pembangunan
yang macam mana kita perlukan
untuk masyarakat dan negara kita.
Saya yakin bahawa para hadirin

yang begitu terpelajar lebih dari
sedar akan krisis yang terdapat di
kalangan negara-negara membangun
di sekitar persoalan bentuk pem-
bangunan yang hendak dikejar.

Setengah-setengahnya meniru
Barat dengan membutatuli dan
dangkal, tanpa sebarang pemilihan
dan pertimbangan perspektif tem-
patan. Malangnya ini juga berlaku
dalam perancangan pelajaran kita.

Setengah-setengah pihak mene-
rima bulat-bulat apa yang dipelajari
mereka di Barat tanpa menyesuaikan
pengetahuan yang dipelajari
kepada perspektif tempatan dengan
tujuan membuatnya lebih ber-
makna, berguna dan bersesuaian
dengan keperluan kita.

Seperti ditegur oleh para sarjana
yang terkemuka, ramai gagal mem-
bedakan di antara modenisasi dan
pembaratan, atau di antara sains
dan kebudayaan Barat. Terdapat
juga mereka yang mengimpor
penyelesaian asing kepada masalah
tempatan.

Maka, terdapatlah gejala
menyanjung ideologi-ideologi asing
yang bertelah dengan nilai-nilai
dan kebudayaan tempatan yang
tidak dapat dianggap sebagai alter-
natif yang sah dan berguna untuk
cabaran kita.

Di samping mereka yang meniru
kebudayaan asing bulat-bulat, yang
mengorbankan identiti mereka, ter-
dapat pula mereka yang menganjur-
kan kita terus berundur ke bawah
tempurung bila berhadapan dengan
cabaran moden.

Mereka enggan mengakui
bahawa pembekuan. Mereka menge-
lirukan sikap *parochial* dengan
nasionalisma. Gentar terhadap se-
barang perubahan, walaupun ianya
membawa kemajuan, kumpulan ter-
sebut menghalang pembangunan
kita.

Tenaga yang boleh disalurkan
kepada usaha pembangunan disia-
siakan untuk menghalang dan me-
laungkan slogan-slogan. Nilai-nilai
positif dalam kebudayaan tempatan
disalah tafsirkan dan diputar belit

untuk disesuaikan dengan pan-
daangan sempit mereka.

Kemajuan kita bergantung atas
mutu pelajaran kita. Pelajaran kita
merupakan asas pembangunan kita.
Kandungan pelajaran kita mesti ber-
sikap terbuka terhadap masalah-
masalah kita dan tidak menyahkan
mereka dari kesedaran kita. Biarlah
pelajaran kita benar-benar mendidik
jenerasi muda kita dan tidak mem-
beri mereka satu gambaran yang
sempurna tidak terjejas oleh se-
barang masalah dan kekurangan.

Biarlah jenerasi muda kita dilatih
berhadapan dengan kenyataan dan
pilihan yang terbuka bagi kita,
kerana tidakkah akhirnya mereka
juga yang akan memimpin negara di
masa depan. Biarlah jenerasi muda
kita terdedah kepada masalah-
masalah dan cabaran-cabaran di
hadapan kita menerusi kacamata
kebudayaan dan nilai-nilai kita
sendiri.

Sudah termaktub dalam Rukun
Negara yang cara hidup kita pada
asasnya berteraskan kepercayaan
kepada Tuhan dan bentuk demo-
krasi kita sendiri. Sikap toleransi
dan moral ditegaskan.

Oleh itu, sejajar dengan jiwa
Rukun Negara, biarlah kandungan
pelajaran kita mendekati isu-isu
pembangunan atas lunas-lunas nilai
dan moral.

Biarlah jenerasi muda kita benar-
benar memahami dan menghayati
dengan mendalam dimensi moral
dan nilai dalam isu-isu pem-
bangunan. Mereka perlu dilatih
bukan sahaja mengambil tahu akan
nasib warganegara kita yang kurang
bernasib baik, tetapi juga mengam-
bil pendirian moral bersabit isu-isu
ini.

Biarlah kita menghasilkan
graduan-graduan yang mempunyai
pegangan moral untuk mencari
penyelesaian akan masalah-masalah
ini dan tidak hanya sekadar mendekati
masalah-masalah tersebut untuk
dipergunakan sebagai bahan-
bahan yang merupakan sebahagian
dari upacara mengejar sijil.

TANGGUNGJAWAB MAHASISWA TERHADAP MASYARAKAT

Ahmad Shabry Chik
(Presiden, Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya
81/82)



Sebagai unsur-unsur yang penting kepada agen perubahan dan pembaharuan, mahasiswa merupakan unsur yang paling dinamis dibandingkan dengan unsur-unsur yang lain. Itu tidak bererti pegawai-pegawai tadbir atau pun golongan lain dari institusi lain seperti parti-parti politik, kumpulan-kumpulan sekepentingan seperti kesatuan sekerja dan sebagainya tidak dinamis; tetapi ada dari segi-segi kejiwaan yang lebih mengantungkan mahasiswa, iaitu tempereman yang selalu panas dan bergolak, dan penguasaan ilmu yang belum sempurna membawa mereka lebih gesit, tidak takut berbuat salah, dan biasanya tidak pernah disertai suatu komitmen apa pun dalam tindakan-tindakannya kecuali kepada cita-cita perjuangan.


Cita-cita perjuangannya yang kian menguasai hati dan idealisma mahasiswa kini ialah untuk tercapainya cinta dan kasih sesama manusia, kebenaran, keadilan, hak-hak asasi mereka sebagai manusia dan warganegara, yang perlu disaluti oleh nilai-nilai moral dan etika. Sebahagiannya sudah tentu berasal dari pengaruh ilmu pengetahuan yang diterima dari kuliah-kuliah, bacaan-bacaan atau pergaulan mereka.

Sifat-sifat semacam itu membawa mahasiswa tidak gampang jatuh, sekalipun dipujuk, dirayu, disogok, di-indoktrinasikan dalam komitmen kepada kekuasaan establishmen. Ini pula bukanlah bermakna semestinya sikap yang diambil oleh mahasiswa untuk menjadi anti kepada establishmen tetapi sebegitulah ciri-ciri mahasiswa yang beridealisme yang tidak mahu dan tidak mudah terikat kepada mana-mana pengaruh atau kekuasaan sama manusia. Peranan mahasiswa sebagai kumpulan

pendesak seharusnya diteruskan!!

Namun di saat-saat tertentu, sebagaimana yang telah kita saksikan, baik di dalam atau di luar negeri, mahasiswa memegang peranan yang amat menentukan dalam proses politik sesebuah negara. Siapa yang lebih berani berkata merekalah jaguh kepada perjuangan Bahasa Malaysia, umpamanya, di negara ini? Siapa yang berani menafikan laungan dan perjuangan agar terwujudnya terlaksananya Universiti Kebangsaan yang ada pada hari ini. Bukankah ianya bermula dari golongan mahasiswa? Bukankah di waktu itu pihak kerajaanlah merupakan pihak yang paling terakhir sekali merestui akan penubuhan universiti itu? Atau perjuangan-perjuangan yang lain seumpamanya untuk menambahkan nilai moral dan akhlak ke tempat yang lebih tinggi. Bukankah ilham kepada kebangkitan Islam di negeri ini tidak sedikit datangnya dari mahasiswa? Tetapi nilai tertinggi daripada usaha yang dikerjakan mahasiswa ialah idea pembaharuan yang ditüpkan keseluruhan masyarakat melalui institusi pengajian di atas kepastiannya sebagai mahasiswa. Idea pembaharuan sebenarnya adalah idea yang kekal sikapnya dan berterusan materialisasinya. Tetapi oleh jangka waktu kemahasiswaan yang singkat seringkali nampak idea itu terputus-putus.

Satu gejala yang amat sedih dan malang sekali kepada mahasiswa apabila tindakan yang diambil oleh pihak pemerintah yang mengizinkan campur tangan yang semakin bertambah dari pihak pentadbir universiti terhadap cara mahasiswa mengorganisasikan diri mereka. Kuasa budi bicara yang besar diberikan kepada pegawai-pegawai Hal Ehwal Pelajar dan aktiviti-aktiviti universiti



Mata dan mulut ditutup

yang lain dalam menentukan hala gerak kerja dan tindakan mahasiswa menghasilkan Persatuan Mahasiswa—Persatuan Mahasiswa di Universiti di tanahair seumpama lembaga-lembaga pengawas di sekolah-sekolah di mana mereka tidak berkesempatan yang banyak dalam proses pengambilan keputusan terhadap hal ehwal mereka sendiri.

Kesannya, di satu pihak mahasiswa tampaknya sudah tidak berdaya lagi menyelesaikan masalah mereka sendiri. Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM) misalnya dianggap lembab dalam memenuhi kehendak dan kebijakan mahasiswa keseluruhannya. Di pihak yang lain, kelihatan keinginan dari pihak berkuasa Universiti yang ‘besar’ untuk menentukan apa yang harus dikerjakan oleh mahasiswa. Keadaan ini memberi gambaran selanjutnya bahawa mahasiswa telah menurun kewibawaan dan vitalitasnya, dan di pihak lain, terlihat para pentadbir yang melanjutkan pendidikan *semi-feudalnya* dengan menunjukkan *kekuasaan* sebagai langkah mendekati mahasiswanya. Tentu langkah itu tidaklah selalu salah, apalagi kalau dikatakan kerana rasa tanggungjawabnya agar mahasiswa tidak menyeleweng dari tugas asalnya sebagai mahasiswa dan tidak diperalatkan oleh orang lain.

Apabila keadaan seperti itu wujud, kesangsian terhadap kemampuan mahasiswa mengatur diri mereka sendiri telah timbul. Sesungguhnya kesangjian tersebut harus diterima sebagai pukulan, cabaran dan penyinggungan terhadap mampu akan kekuatan mahasiswa sendiri. Tetapi trajisnya, mahasiswa tunduk terpukau terhadap arahan-arahan pihak berkuasa. Dengan demikian wajarlah apabila orang bertanya apakah mahasiswa sedar akan peranannya sebagai golongan yang berada di dunia menara gading? Apakah tugas mahasiswa sebagai salah satu dari golongan intelek dalam mencari kebenaran, menegak keadilan dan berbuat sesuatu yang lebih banyak



Menyokong Setinggan Tasik Utara

untuk kemanusiaan? Memang kepekaan mahasiswa dituntut dalam usaha untuk menjadikan universiti ini melaksanakan tugas yang sesuai dengan fungsinya, sehingga sebenarnya dilihat secara asasi, tugas mahasiswa dalam universiti mempunyai makna yang universal, dan harus mampu memberi kesan kepada dunia di luar kampusnya.

Oleh itu, adalah menjadi satu harapan yang besar dari pihak mahasiswa agar kepimpinan PMUM yang baru ini dapat memikirkan sesuatu agar mahasiswa dapat diberikan lebih peluang dan kebebasan untuk mengatur organisasi mereka sendiri. Langkah pertama seharusnya tidak menunjukkan sikap kekuasaan atau autoritariannya. Kerana sikap autoritarian menimbulkan sikap tertutup kepada kritikan. Mahasiswa adalah mahasiswa dan bukannya sekumpulan murid-murid atau setidak-tidaknya mereka adalah murid yang lebih peka terhadap tuntutan sosialnya.

Bagi kami, tidak kira siapa atau anak siapa pemimpin itu, asalkan soal-soal keadilan dan kebenaran dapat ditegakkannya. Tidak cukup kalau hanya 21 orang tahanan politik sahaja dibebaskan tanpa syarat. Kami mahukan lebih daripada itu, yakni rantai Akta Universiti dan Universiti Kolej yang membenggu kami mestilah diputuskan atau sekurang-kurangnya dilonggarkan, juga tanpa syarat! Tindakan untuk memenuhi tuntutan kebebasan mestilah dilaksanakan secara menyeluruh! Kalau tidak, ianya hanyalah kami anggap sebagai satu perencanaan strategi politik yang besar dalam usaha untuk memperkuuh dan meluaskan kekuasaan yang ada. Inilah salah satu cabaran dari kami terhadap kerajaan yang berusaha untuk menjadi kerajaan yang bersih kerana kerajaan yang bersih itu tidak takut kepada kritik dan menerima setiap golongan pendesak sebagai elemen yang dapat membantu pembangunan.

KEMARAU DI JELAPANG PADI

Atan Ngah



Tanah bendang menjadi ceritanya

Kemarau yang berpanjangan sejak beberapa bulan yang lalu sekali lagi mengancam hidup petani padi di kawasan Kemubu di Kelantan dan kawasan jelapang padi di Kedah dan Perlis – dua kawasan penanaman padi yang utama di negeri ini.

Menurut satu laporan dalam *Far Eastern Economic Review* (Mac 19, 1982), kemarau yang dialami sekarang ini di kedua-dua kawasan penanaman padi tersebut telahpun merosakkan sebahagian dari hasil tanaman musim utama yang sedang dituai dan mengancam perlaksanaan penanaman luar musim tahun ini.

Kemusnahan hasil tanaman musim utama berlaku secara meluas di Kelantan. Dari 60,000 hektar yang selalunya diusahaikan oleh petani padi di negeri itu dalam musim utama (iaitu dari Ogos ke Disember), beribu-ribu hektar tidak dapat diusahaikan, 50% dari tanaman yang diusahaikan telah musnah sama sekali. Nampaknya, hanya sebahagian kecil sahaja dari 110,000 tan padi yang biasa diperolehi oleh petani padi di Kelantan dapat diselamatkan pada musim utama kali ini.

Menurut laporan itu lagi, tanaman padi luar musim di kawasan Kemubu, yang biasanya bermula pada bulan April lalu, mungkin

tidak dapat dijalankan. Setakat, bulan Mac, masih belum ada keputusan lagi tentang pengubah jadual waktu penanaman luar musim. Tetapi, paras air di Sg. Kelantan sekarang ini dipercayai tidak mencukupi untuk mengepam masuk air ke sawah-sawah padi. Oleh itu, besar kemungkinan penanaman luar musim di Kelantan mungkin terpaksa dibatalkan.

Di Kedah dan Perlis pula, sebahagian besar dari hasil tanaman musim utama telah dapat diselamatkan. Tetapi, langkah yang diambil untuk menyelamatkan hasil tanaman padi musim utama ini telah juga mengancam tanaman luar musim di kawasan jelapang padi ini.

Selalunya, tanaman musim utama bergantung kepada air hujan sahaja. Tetapi, keadaan kawasan pada bulan Disember lalu telah memaksa pihak berkuasa MADA melepaskan air dari empangan Muda dan Pedu.

Tindakan ini telah menyebabkan kedua-dua empangan itu kekurangan air yang diperlukan untuk tanaman luar musim. Kedua-dua empangan itu hanya mengandungi 1/3 dari jumlah air paling minima yang diperlukan untuk membekalkan air yang mencukupi ke sawah-

sawah padi bagi tanaman luar musim.

Pihak MADA telahpun dengan secara resmi menangguh penanaman padi luar musim di kedua-dua negeri itu selama dua bulan. Sekarang ini, air dari kedua empangan itu akan mula disalurkan pada awal bulan April dan penanaman padi di kawasan pertama (kesemuanya ada empat kawasan) akan bermula 35 hari kemudiannya (iaitu di awal bulan Mei).

Jadual waktu penanaman bentuk tiga kawasan lain hanya diumumkan di pertengahan bulan April. Semenara itu, pihak berkuasa MADA berharap yang hujan akan mula turun dalam bulan Mac dan April.

Menurut laporan *FEER* itu, rancangan MADA itu menghadapi tiga masalah besar. Pertamanya, hujan yang diharapkan turun pada bulan Mac dan April mungkin tidak mencukupi untuk menyelamatkan hasil tanaman luar musim itu. Keadaan ini pernah berlaku empat tahun dulu di mana hujan lebat yang turun pada bulan Mac telah gagal mengelakkan pembatalan tanaman luar musim pada tahun itu.

Keduanya, penangguhan penanaman luar musim selama dua bulan itu akan bermakna bahawa hasil padi akan hanya dapat dipotong pada bulan Oktober dan November, iaitu pada musim hujan. Akibatnya, bukan sahaja hasil yang diperolehi oleh petani akan berkurangan; malah harga padi jualan mereka juga adalah lebih rendah dari biasa oleh kerana potongan yang tinggi ke atas padi basah.

Ketiganya, walaupun tanaman luar musim dapat dilaksanakan pada bulan Mei dan Jun ini, tetapi ia akan menganggu jadual tanaman di musim utama tahun 1982–83. Malah, pihak MADA mengakui bahawa ada kemungkinan yang pengeluaran musim utama yang akan datang akan terancam akibat penangguhan tanaman luar musim tahun ini.

Sambung di m.s. 38

NADI INSAN, MEI 1982

WHAT'S HAPPENING IN POLAND?

'Victor Uno, Ang Katipunan.

The fact that the crisis in Poland has resulted in the imposition of martial law, with a major section of the Polish people alienated from the government, indicates a problem of immense proportions.

Yet the indictment here would have to rest not on socialism per se, but on the particular policies and politics of Poland's ruling Communist Party, the Polish United Worker's Party (PUWP).

Over 25 years in the making, the current crisis has its roots in the particular development of Poland following World War II and the general scheme of development then hailed as the "Polish road to socialism."

Defeat of Fascism

World War II brought tremendous changes to the political map of the world. Poland, after years of brutal Nazi occupation, was liberated in 1945 by the combined actions of the Soviet Red Army, the left-led First Polish Army and indigenous communist-led People's Guard forces. Close to 900,000 Soviet men and women were killed in the battle for Poland, and Nazi devastation was near total. Over 20% of Poland's population was killed by the Nazis, 70% of the country's industry was destroyed, transportation and communication facilities were in ruin and Warsaw, the nation's capital, was leveled, with 90% of its building destroyed.

Socialist Reconstruction

In the post-war period, the Soviet Union, itself devastated by the Nazi invasion with the loss of 20 million lives, helped to rebuild not only Poland, but all of the devastated countries of Eastern Europe. Western capital, which under the Marshall Plan poured into Western Europe and Japan to revitalize capitalist business and industries, was denied to Poland.

Nevertheless, by 1953, Poland's industry had not only recovered, but it had advanced to 3.8 times the 1938 level. The country's average industrial growth rate grew at a phenomenal 11% during the 50s and 60s, far ahead of West Europe's growth. Working closely with the Soviet Union and other countries of the socialist bloc, Poland was able to make tremendous strides in its economic development.

From 1948 through the early 1950s, Poland's com-

munist party was able to establish the socialist foundations of the country. A backward, largely agricultural country, Poland was transformed into a modern, industrial nation. The economy came under centralized planning and industry was in the hands of the state. Even agriculture was progressively being collectivized, a move necessary to modernize a backward peasant economy and increase the production of foodstuffs with mechanized farming implements. It was on this socialist foundation that all of Poland's economic gains were to be made.

Economic Problems with Growth

Poland's economic progress, however, was not without its attendant problems, shortages of housing, consumer goods and food were often endured by the populace. Without sufficient education and preparation by the PUWP to endure periods of hardship, the Polish masses would, and did, often react with spontaneous strikes and demonstrations. In addition, declassed remnants of Poland's former ruling classes often seized upon the periods of difficulty to agitate against the young socialist state.

Such was the case in 1956, when food shortages sparked widespread strikes and demonstrations against the government. The PUWP reacted to the unrest by issuing promises of reforms and installing Wladyslaw Gomulka to head the party. Vowing to bring development to the country with a minimum of pain and suffering, Gomulka charted a new path for Poland, "Poland's independent path to socialism."

In two important areas of socialist construction, Gomulka reversed the process of socialism. In the countryside, to appease the small farmers, the collectivization movement was halted and then reversed. Of some 11,500 cooperative farms, 8,500 were dismantled and returned to private ownership. Today, 80% of Poland's arable land continues to be held by small, private owners, employing primitive and inefficient farming methods.

Gomulka also struck up a compact with PUWP's main ideological enemy, the Catholic Church. Catholicism in Poland, firmly rooted for centuries in the country, has been a base for anti-communism. Allowing

the church to flourish unfettered with a promise by the church not to oppose the government priests are paid by the state and the national budget allows for the maintenance of religious institutions. By 1971, some 18,000 cathectism centers were established by the church throughout the country, and today, 80% of Poland's population considers themselves Catholic.

By surrendering the struggle for socialism in agriculture and leaving the ideological training of the Polish masses to the Catholic Church, Gomulka brought Poland into the 70s on very shaky foundations. In fact, the 1970 economic crisis which saw widespread strikes and demonstrations against the government due to food shortages brought about Gomulka's downfall.

Socialism via Western Loans?

The problems created for socialism in Poland by Gomulka were further exacerbated by Edward Gierek, who assumed leadership of the PUWP. Instead of facing the pressing problem of an inefficient agriculture in control of a class of small farmers hostile to socialism, Gierek chartered an industrialization scheme to be financed by Western banks.

Hoping that the factories built on foreign credit would produce goods that would then be sold to pay-off the debt, Gierek borrowed heavily, and extensively, from the West. While in 1970 Poland's hard currency debt stood at \$741 million, by 1980 that debt was an incredible \$25 billion. Interest payments alone amounted to 2.5 billion a year.

Gierek's get-rich-quick scheme failed dramatically. Typical of the blunders was a \$1 billion tractor factory which produces only 500 units a year instead of the projected 75,000. The reason? The tractors could not be sold in the West and were too expensive to sell to other socialist countries. The same consequences resulted for an RCA and Coming Glass Works television factory.

In another seemingly unresolvable dilemma, the government has been trying to keep prices for foodstuffs low for workers while satisfying farmer demands for higher prices. State subsidies for farmers now amounts to 40% of the state budget. A liter of milk, for example costs the state 10 zlotys (Polish currency) to get it from the farmer. That milk is then sold in a state store for 4 zlotys. Numerous other examples abound.

Banks Open Poland's Books

Poland's economic crisis was of such extreme measure by the late 1970s that the banks holding the loans demanded a say over the country's economic policies, fearing a default on the loans. Gierek and the PUWP agreed, such that the *New York Times* (Jan. 26, 1979) would report:

"As part of an effort to obtain a major new loan,

Poland has agreed to permit Western banks to monitor its economic policies, American bankers say. They regard the concession as a historic break-through in the financial relations with the communist world The banks involved in the new credit will henceforth track the progress of the Polish economy much as the International Monetary Fund monitors the economies of the non-communist countries in financial distress."

Once the banks opened the books and saw the figures, they demanded, not collectivization of agriculture, but the raising of prices paid by workers for agricultural goods. The government subsidies, they argued, should be used to pay back the loans.

Gierek and the PUWP, unable to see any other way out of their dilemma, relented. The government's attempts to impose price hikes 16 months ago sparked the uprisings of workers which resulted in the Solidarity trade union movement.

Current Crisis

Despite the many grievous errors of the PUWP, the party has remained a force, however weak, for the maintenance of socialism in Poland. Solidarity, as a trade union movement, initially served as a rallying point for workers disaffected from the government's economic policies. Many divergent trends in the union emerged, some forces attempted to take responsibility for resolving the economic crisis while others agitated for an overthrow of the socialist system.

Those forces within Solidarity who called for the overthrow of the government gained a majority of the union's national presidium in early December. The many economic strikes called by the union over the recent period were costing Solidarity popular support, and a secret proposal was made for the overthrow of the government.


Lech Walesa, Zbigniew Bujak, Jan Rulewski, and other Solidarity leaders spoke at length about their plans on December 6. Walesa said that "Confrontation is inevitable and it will take place . . . we are picking a road for a lightning-speed maneuver . . . After all, let us realize that we are bringing this system down." Bujak said that "The government must at last be overthrown, laid bare and stripped of all credibility"

Gen. Wojciech Jaruzelski, who assumed power late last year, quickly moved the country's military to stop any movement by Solidarity reactionaries to seize power, declaring martial law on December 16. Since then, despite the outpouring of denunciations from the West, the situation in Poland has stabilized.

The numerous problems, however, which provoked the crisis remain. Whether or not the PUWP will be able to rectify its economic policies, reestablish its ties with the Polish workers and gain the confidence of the masses will ultimately decide the fate of socialism in Poland. ●

POLAND'S CRISIS

Daniel Singer



"Oh yeah, you know a more scenic route further on? I've heard that one before!"

The following is a recent 'interview with Daniel Singer, a Paris-based journalist who is one of the best-informed Western authorities on the Solidarity movement in Poland.

Singer asserts that the situation of dual power between the Polish United Workers Party (PUWP) and Solidarity, if it had not been ended by the government's Dec. 13 declaration of martial law, could possibly have led to a peaceful, gradual transformation of Polish society to one in which the workers have actual power. (His underlying assumption is that the PUWP-led government does not represent the working class.)

How do you see the outcome of martial law in Poland?

There is the short run and the long run, but if you want to go to fundamentals of martial law. I think that [Gen. Wojciech] Jaruzelski was put in his place to break the labor movement. His function is not only to destroy what the workers conquered in the fantastic achievements of 1980, but to go back to before 1970, when the workers conquered veto power in Poland, and to destroy that.

Once the power of an independent labor movement is destroyed, you can make concessions, you can grant all kinds of things, but you want to show who is the master, and so the purpose of martial law is to do that. The question is: can the government break the labor movement after so many years of patient build-up and after the sense of power and the sense of freedom of those extraordinary days? I don't think that this is possible. You can shoot workers, but the problem is how to make them work.

The idea of self-management was born in Poland because everybody knows that the workers — the great victors of 1980 — had to tighten their belts. Who could make them tighten their belts? Only the workers themselves. This is how the idea of self-

management was revived in Poland. Now, the military command wants to prove that you can [resolve the problem of production] with a tank. I don't think that there is any possible solution for the existing regime. Its problem will be how to cope with passive resistance.

The ideal solution for the government would be if it could break and divide Solidarity, if it could get a deal with the Church which would make [Lech] Wałęsa say that we have to negotiate and we have to give up something. The government has been trying to get this deal, but up to now it has been unsuccessful. My personal optimism is based on the fact that, in the long run, the story in Poland is unfinished.

The labor movement will continue in some way. The class struggle is on a different level now because it has been driven underground. The decisive battles will be fought in the factories in Poland. In the long run, they will be won by the workers. In the meantime, the government can do a great deal of harm. My own personal resentment at the declaration of martial law is even stronger because I think that there was possible scope for a compromise between Solidarity and the government. What is being destroyed at the moment is the chance for a bloodless solution in Eastern Europe.

How would you have envisioned such a bloodless solution?

The revolution would have had to be a creeping one, not a sudden one. The transfer of power would have to be over a certain period of time. During that period, dual power would be institutionalized by having two chambers in the Sejm [parliament]. One would be the representation of the real social forces in the country, that is to say, workers' councils on a national scale. This chamber would be dominated by

Solidarity [members], but not by Solidarity as such.

The other chamber would represent geography, i.e. the fact that the Soviet Union is Poland's neighbor. As before, the party would have to be accepted as the dominant political force in the state.

Such a compromise solution would be based on the government's recognition that it required the blessing of Solidarity for the success of certain economic measures. Economic policy would be shaped as a result of discussion between the two Sejm chambers which would have constituted the instruments of dual power. In the best of cases, this compromise would be very difficult to maintain. The peaceful transition period would have been dangerous at all times. No one can answer now whether or not such a period would have been possible. What we can say with certainty even now is that it was not Solidarity that refused that compromise.

How would Solidarity's challenge to "Nomenklatura" (the party's system for controlling appointments to management positions) have been resolved within the context of this "peaceful transition?"

I am not saying that the two chambers in the Sejm would have been the solution to the economic situation, but that with them you could have had the possibility of a compromise, which I call a real historical compromise as opposed to the Italian one, because it would have represented the forces of society and geography and history — something that could or could not have worked.

I do not think that such a compromise was doomed from the start. I don't accept the view that Jaruzelski is not to blame because it was his fate [to declare martial law].

Did Solidarity go too far or not far enough?

The question is raised that what Solidarity wanted was not dual power, but a takeover. It is true that free elections and a gradual transition through the two chambers in the Sejm are not compatible. However, even between the first and second round of the Solidarity congress in September and October of 1981, when the issue of free elections was first raised, Solidarity did make a deal with the government. A compromise was reached on the question of self-management which was disapproved of by the rank and file membership and the delegates to the congress — not on the substance of the agreement, but on the act that it was reached without a mandate from the congress.

Parity Sought

At the end of the congress in October, Walesa was able to make a deal with the government on the level of parity. After that, you have the meeting on

November 4 and there the answer is that parity is rejected. Participating in this meeting were Jaruzelski, Walesa and the primate of Poland [Archbishop] Glemp, acting as a matchmaker. At that stage, Solidarity was still trying to accept something which was based on dual power, on parity, on equal terms. The government's answer was quite clearly against such equality and sharing of power. It proposed a Council of National Reconciliation on which Solidarity, which represents three-fourths of the working people of Poland, would get one out of seven seats and the PUWP plus its puppet organizations would get the other six seats. Solidarity was told, in effect, you can only be an instrument of [party] power, which is what the trade unions were before Solidarity. The decision was probably made previous to this date, but on Nov. 4 you could definitely see that the government had decided that there would be no compromise with Solidarity.

Then there was the meeting of Solidarity at Radom following the incident with the cadets at the Fire Academy. What did Walesa say at this meeting? He said that in the long run he wanted a change of the regime, that everyone knew this, and that his policy of "small steps," as he called his method of compromise with the government, was a failure. It was a failure because the government did not want [compromise].

At this meeting, Walesa was shouting, "We are going to show them!" I think that this was a mistake. Solidarity should have known that there are eyes and ears in the walls and that such statements would be repeated. You should not shout that you are moving towards confrontation unless you are really ready to do it. The point, however, is that by this time the opinions expressed at the Radom meeting were a reaction to the provocative actions of the government which was seeking a confrontation with Solidarity.

The supreme hypocrisy is exhibited by those who want to use the issue of the referenda on the PUWP and the role of Poland in the Warsaw Pact as proof that Solidarity went "too far." These issues were raised in Gdansk on the day when Jaruzelski's troops were already on the move and, in fact, were precipitated by the news that communications between Gdansk and Warsaw had been cut off.

The confrontational and provocative attitude which the government exhibited during Solidarity's existence served to unify and solidify the membership. Many potential divisions within Solidarity did not emerge or develop to the extent that they might have. Solidarity was a great social movement, comprising millions with various political beliefs. The concrete questions of exactly how to restructure the economy, the role of the market and planning, were not well developed. What the government and party showed, as early as November, is that if they had the choice between



Jaruzelski



Poles in Krakow queue for food — picture smuggled out by an American student

sharing power with the workers and handing it over to the military, this so-called workers' party preferred anything than sharing power.

How do you see the role of the Soviet Union?

In announcing the imposition of martial law, the Polish government implied, "We are the gentle chaps and if we don't do it, the villains will come." That would be fine as an argument if the gentle chaps were doing gentle things, but what they had as an arsenal of repression was as powerful as one could wish for. The Soviets would not have done any more harm. Now they, these gentle Polish officers, instituted a law which meant that mines, transport, communications, and quite a lot of enterprises were put under military law. If you disobey orders, you can be sentenced from two years to the death penalty. For distributing leaflets, for propagating strikes, you get four, five years quite easily. It is much better for the Soviets to have someone else carry out the repression for them. And the Soviets are there as a force of last resort.

What the declaration of martial law in Poland has accomplished is to destroy the legend of the Polish army. The Poles had the patriotic feeling and illusion that "our army will not do it." Fundamentally, I think that there is no basic difference between Soviet intervention by proxy or directly. Those people who say that this is an internal affair are just trying to fool themselves or other people.

What do you think would have happened if Solidarity had succeeded in seizing state power and then, from the position of controlling the state apparatus, had defended itself from the Soviet Union?

My view will not be shared by everyone, but I think that there was a Rubicon in Poland not to be crossed. [Solidarity adviser] Jacek Kuron and the rest were fundamentally right when they said that if Solidarity goes beyond a certain point — and no one knew where it was — there was the risk of Soviet intervention. This is why I was a favor of the historical compromise of creeping and not direct revolution. If one was to have

a direct revolution, it should have been carried out in August of 1980. The logic of that movement was to seize power. In any other country, if you did not have the Soviet Union as a neighbor, you should have seized power.

The controversy over the question of seizure of power came up within Solidarity again during the Bydgoszcz [confrontation] in March of 1981. Many people said that the risk was to be taken then because there was a tremendous mobilization of the people and a bid for power could have been made at this time.

Solidarity Underestimated State

If Solidarity had moved in 1980 or 1981 and had not compromised, but eliminated the party, the Soviet Union would have intervened directly. Always, however, there was the tendency within Solidarity to underestimate the strength of the existing state apparatus in Poland. Many members of Solidarity thought only in terms of Soviet intervention as if the native army, police and so on did not exist.

Why should people on the left support Solidarity?

There are two kinds of hypocrisies. There is the hypocrisy of those on the right who love labor unions in Poland but hate them here. This is to be expected. What grieves me much more is the hypocrisy of the left — those who are in favor of labor unions in this country, but dislike the labor movement when it expresses itself in Poland.

It is vital for the left to take the lead in supporting Solidarity for two reasons: (1) For the sake of the left itself, for its moral health and future, for the fact that we would not repeat certain mistakes of the Stalin era. (2) For the hope of socialism in Eastern Europe so people in Eastern Europe will not believe that the only vision of socialism they have is the Soviet tank or Jaruzelski's tank. It would be very damaging for the chance of having a socialist solution in Eastern Europe if the workers in Poland have the impression that the only people who stand by their side at this hour are the Reagans and Thatchers while we are silent.


SENYUM PEKERJA



ALI, EKONOMI CAMPURAN MAKNANYA AWAK BUAT KERJA DAN KAMI DAPAT UNTUNG!



LELAKI BENCI WANITA.
MELAYU BENCI BUKAN MELAYU.
ITULAH JENIS "PERHUBUNGAN PERINDUSTRIAN" YANG SYARIKAT INI INGIN LIHAT!



KECOH DI BANGLADESH

Abdullah Amin

Satu rampasan kuasa yang tidak berdarah telah berlaku pada 24hb. Mac di Bangladesh. Jen. Hosain M. Ershad telah menyingkir Presiden Abdus Sattar dan mengenakan undang-undang tentera pada seluruh negara. Bagaimanapun, beliau berjanji akan memulihkan demokrasi dan kerajaan awam sebaik sahaja suasana politik menizinkan.

Semenjak Presiden Ziaur Rahman mati terbunu dalam Mei 1981, Presiden Sattar telah memerintah dengan sokongan pihak tentera. Namun begitu, Jen. Ershad kononnya tidak berpuas hati dengan kelemahan pemerintahan dalam menyelematkan negara dari rasuah dan kemelesetan ekonomi lalu ia bertindak. Ia mengarahkan supaya rasuah diberhentikan dan menangkap 238 orang, termasuk 6 orang bekas menteri kabinet.

Bangladesh sedang mengalami kejatuhan harga rami (*jute*) sebanyak 20% di pasaran dunia, dan barang ini merupakan ekspor utamanya. Tambahan pula kenaikan

Sattar: Disingkir



nilai impot, khasnya bahan petroliam, merupakan pukulan teruk. Akibatnya perbendaharaan negara hampir bankrap. Jen. Ershad sendiri tidak berkuasa mengawal harga rami dan minyak di dunia, dan kemungkinan besar beliau tidak akan dapat membasmi amalan rasuah di Bangladesh.

Bantuan Asing

Bangladesh memerlukan bantuan dari luar negeri yang banyak bagi menggerakkan pentadbiran dan ekonomi, dan ini telah memberi kesempatan kepada satu golongan pegawai dan golongan menengah untuk mengaut kekayaan melalui pungutan komisen secara haram. Pada tahun 1979, sebanyak 20% dari Keluaran Negara Kasar (KNK) merupakan bantuan asing bernilai AS\$1.6 billion. 85% dari perbelanjaan pembangunan, 65% daripada perbelanjaan impot dan 60% dari semua pelaburan berasal dari bantuan luar negeri.

Sektor kerajaan menguasai

Hossain: Pembangkang Regim



bidang perkilangan, insuran, perhubungan, tenaga dan urusan ekspot-impot. Pegawai-pegawai yang mengendalikan agensi-agensi awam boleh mendapat komisen berbilion ringgit. Seorang ahli politik dikatakan telah menyimpan "tidak kurang daripada AS\$1000 juta" dalam bank-bank di luar negeri.

Bantuan makanan dalam bentuk gandum dan beras merupakan 25% daripada semua bantuan asing. Tetapi sebanyak 78% diperuntukkan kepada kakitangan kerajaan seperti polis, tentera dan pekerja pejabat melalui sistem catuan. Hanya 17% sampai ke golongan miskin yang duduk di kawasan luar bandar. Walhal, 80% daripada 89 juta penduduk Bangladesh adalah petani, dan separuh daripada mereka tidak mempunyai tanah.

Pertanian menyumbangkan 60% kepada KNK, namun ia mendapat hanya 25% dalam Belanjawan Negara pada tahun 1979-80. Ketidakseimbangan ini disebabkan oleh peranan besar yang dimainkan oleh bantuan asing dan akibatnya ialah sektor pertanian terbiar dari segi pengeluaran dan reformasi.

Bukan semua bantuan adalah percuma; separuh daripadanya adalah pinjaman. Pada tahun 1980, hutang luar negeri meningkat kepada AS\$3 billion, iaitu 20% daripada KNK. Hakikatnya, negara itu terdedah kepada ugutan-ugutan daripada negara-negara lain.

Umpamanya, Tabung Wang Antarabangsa telah menggantungkan bantuan sebanyak \$912 juta sebab Bangladesh enggan mengurangkan perbelanjaannya. Semasa wabak kebuluran dalam tahun 1974, AS telah membeku bantuan makanan oleh sebab Bangladesh menjual rami ke Cuba.

Bagaimanapun, pakar-pakar Barat berpendapat bahawa akibatnya lebih buruk jika bantuan dinafikan samasekali. Ini mungkin membawa kepada suatu pergolakan sosial yang akan menggugat keamanan di rantau itu.

AMERIKA SYARIKAT DI AMERIKA TENGAH

M. Zahari



Pada zaman penjajahan sebelum Perang Dunia Kedua, Amerika Syarikat terkenal sebagai sebuah kuasa Barat yang tidak menjajah kecuali di kepulauan Filipina. Gelaran ini tidak tepat sebab walaupun begitu, AS telah mempunyai satu kawasan pengaruh yang terbesar, khas untuknya sahaja. Kawasan itu ialah Amerika Tengah dan Selatan dari Mexico di utara hingga Argentina di selatan.

Bagaimana AS telah menguasai negara-negara di rantau itu serupa dengan cara-cara AS sedang berusaha mempengaruhi dunia kita masing-masing. Bentuk penjajahannya ialah satu bentuk kolonialisme yang dinamakan oleh Presiden Sukarno sebagai neo-kolonialisme, yakni, penjajahan secara baru.

Di bawah neo-kolonialisme, kebebasan ekonomi ada, tetapi ekonomi bergantung kepada pasaran dunia. Dalam abad ini, pasaran dunia telah dikuasai oleh kapitalis-kapitalis di Wall Street, New York, pusat sistem perniagaan bebas di dunia bebas.

Kongkongan ekonomik akhirnya membawa ke kongkongan politik. Ini mudah dibayangkan jika kita ingat bahawa Washington dengan sewenang-wenangnya boleh men-jatuhkan harga timah, getah, dll. di

pasaran dunia melalui lepasan dari stok penimbangnya, ataupun dengan mengenakan sekatan tarif terhadap impot-impot dari Dunia Ketiga.

Doktrin Monroe

Pada mulanya, benua Amerika telah dikuasai oleh penjajah Sepanyol tetapi dalam abad ke-19, kekuatan Sepanyol telah lumpuh, dan satu demi satu tanah jajahannya telah memberontak dan merdeka.

Akhirnya, AS sendiri memusnahkan samasekali kuasa Sepanyol dalam satu perperangan menjelang kurun ini. Dengan itu, satu dasar penting AS, yang digelarkan *Doktrin Monroe* dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya

Pada tahun 1823, Presiden Monroe dari AS telah mengistiharkan bahawa kuasa-kuasa Eropah tidak lagi dibenarkan mengganggu negara-negara merdeka di Amerika Latin. Semenjak itu, keseluruhan benua Amerika telah jatuh ke kawasan pengaruh AS. Hingga kini, Presiden Reagan cuba mempertahankan pengaruh dan kuasa Washington seperti dulukala.

Walaupun negara-negara Amerika Latin telah merdeka dari segi politik, mereka tidak bebas dari segi ekonomi. Misalnya, syarikat

gergasi AS bernama United Brand (dulu United Fruit) telah mengubah rantau Amerika Tengah kepada perusahaan ladang tebu dan pisang bagi membekalkan pasaran di AS. Oleh itu, negara-negara seperti Cuba, Guatemala, Nicaragua, El Salvador dan Panama pernah digelar sebagai *republik-republik pisang (banana republics)*.

Pemberontakan & Penindasan

Apabila rakyat jelata memberontak kerana kemiskinan dan penindasan, AS membantu pemerintah dengan kuasa tenteranya. Beginilah bergema seruan *Send In The Marines* yang dilaung oleh syarikat-syarikat AS yang merasa perniagaan mereka diancam. Antara 1898 dan 1920, tentera AS telah bercampur-tangan sebanyak 20 kali di rantau itu.

Pada tahun 1954, satu pergerakan nasionalis di Guatemala telah mengambil alih kuasa. Apabila kerajaan baru mengisytiharkan pengawalan ke atas syarikat-syarikat asing bagi kepentingan negara, Washington telah menggulingkannya melalui rampasan kuasa tentera dengan bantuan CIA. Hingga sekarang, negara itu diperintah oleh para jeneral yang patuh kepada prinsip-prinsip perniagaan bebas

yang membuka peluang kepada pelabur-pelabur AS.

Demikian juga halnya di Argentina semasa Presiden Juan Peron dan di Chile semasa Presiden Allende. Kedua-dua negara itu kini diperintah oleh regim tentera yang kejam tetapi tetap patuh kepada kehendak Washington.

Akhirnya negara-negara yang dulunya merdeka dari jajahan Sepanyol, lama kelamaan telah hilang kebebasan ekonominya dan seterusnya kebebasan politik. Sebuah negara kecil di Amerika Tengah bernama Puerto Rico masih dianggap oleh dunia sebagai sebuah tanah jajahan AS.

Apabila Fidel Castro berkuasa dan membebaskan Cuba dari pengaruh AS pada 1959, ini telah membangkitkan semula gejala komunisma di benua Amerika. Hakikat dari itu, Washington telah mengetarkan lagi kawalannya di rantau itu hinggakan sebarang pergerakan nasionalis yang disyaki dihapuskan dengan keras.

Ahli-ahli politik, kesatuan kerja, wartawan, dll. telah dibunuhi oleh CIA dan Fidel Castro sendiri nyaris jadi mangasanya beberapa kali. Pada tahun 1965, Presiden Johnson telah menghantar 45,000 askar AS untuk menghapuskan pemberontakan di Republik Dominika.

Kekuatan AS Merosot

Namun, apabila AS mendapat pukulan teruk di Indocina pada dekad enampuluhan, dan seterusnya, kekuatan AS telah merosot di seluruh dunia. Pergerakan penentangan di beberapa negara Amerika Tengah berlunas dan berkembang, terutama sekali di Nicaragua, El Salvador dan Guatemala. Malahan, beberapa buah negara-negara Caribbean seperti Guyana, Jamaica dan Grenada pernah mengundi parti politik berhaluan kiri untuk memerintah mereka.

Semasa pentadbiran Jimmy Carter dahulu, sikap Washington

telah menggalakkan demokrasi dan keadilan untuk mengelakkan kebangkitan rakyat. Tetapi Presiden Reagan berpegang kepada pendapat yang sebaliknya iaitu, kemiskinan dan peperangan wujud kerana hasutan dan campurtangan dari negara komunis seperti Cuba dan Rusia.

Mereka dikatakan mempunyai satu rancangan jangkamasa panjang untuk merampas kuasa di rantau itu. Ini adalah pandangan sempit yang tidak mengakui kesengsaraan rakyat jelata.

Seterusnya, akhbar *The Washington Post* (yang dahulu mendedahkan skandal Watergate) menyiar pada 14hb. Februari tahun ini satu rancangan Majlis Keselamatan Negara bagi menggugat kerajaan Nicaragua melalui kegiatan CIA. Wang sebanyak AS\$19 juta telah diperuntukkan kepada CIA bagi menubuhkan badan-badan gerila anti-Nicaragua.

Lanjutan dari itu, beberapa letupan bom telah berlaku di sekitar Nicaragua yang meruntuhkan dua buah jambatan penting. Kerajaan Nicaragua terpaksa mengisyiharkan keadaan dharurat dan bersiap sedia.

Selain daripada kegiatan CIA, Washington sedang menimbang langkah sekatan oleh tentera laut terhadap Cuba dan Nicaragua, dan pengeboman beberapa pengkalan tentera di kedua-dua negara itu. Hasrat ini tidak dapat dilaksanakan oleh kerana rakyat AS bersama negara-negara di Amerika Latin membantah keras sebarang campurtangan kekerasan.

Kesengsaraan Ekonomi

Bagaimanapun Presiden Reagan mengakui bahawa Amerika Tengah sedang mengalami kegagalan ekonomi yang agak teruk. Beliau telah menawarkan satu rancangan untuk memulihkan pertumbuhan ekonomi di rantau itu; beliau menawarkan "suatu komitment jangka panjang supaya negara-negara Amerika

Tengah dan Caribbean boleh mencapai pertumbuhan yang memuaskan melalui sistem pasaran bebas." Bantuan sebanyak AS\$350 juta akan ditumpukan kepada sektor swasta bagi memupuk semangat perniagaan.

Sesungguhnya, rancangan bantuan itu ada udang sebalik batu, iaitu, menghalang kemasukan pendatang haram ke Amerika Syarikat. Kemiskinan, regim kejam dan keadaan berperang telah mendesak beribu-ribu orang lari mencari keselamatan di AS.

Pada tahun 1980, sebanyak 1.5 juta manusia masuk ke A.S. secara haram. Presiden Reagan berharap bahawa dengan langkah itu, Amerika Tengah akan mencapai pembangunan demi kebaikan rakyatnya serta mengurangkan jumlah penghijrah.

Punca kesengsaraan di rantau itu ialah dasar neo-kolonialisme AS sendiri. Di negara Haiti, Washington sedang menegakkan satu regim yang amat kejam sekali. Presiden Duvalier dan golongan di atasnya (0.8% dari penduduk) memperolehi semua kekayaan dan kuasa; di samping itu, 6 juta rakyat hidup dalam kemiskinan di mana 80% masih buta huruf.

Sebaliknya, terdapat lebih dari 200 syarikat-syarikat AS sedang menikmati tenaga buruh yang murah; misalnya, Haiti adalah pengeluar bola baseball yang utama di dunia, yang dijahitkan dengan teliti oleh pekerja perempuan. Bagi membala jasa Duvalier, Washington telah membekalkan pinjaman sebanyak AS\$500 juta untuk memperkuatkan tentera Haiti.

Kesesakan hidup telah mendesak rakyatnya mengharung laut penuh dengan bahaya bagi melarikan diri, iaitu, lebih daripada 45,000 orang perahu Haiti dalam sepuluh tahun kebelakangan. Namun begitu, satu undang-undang AS yang diluluskan pada September 1981 telah menghalang dan menghantarkan mereka balik ke Haiti.

AMERIKA TENGAH: Fakta Fakta Asas

PETA AMERIKA TENGAH



El Salvador, Nicaragua, Guatemala dan beberapa buah negeri lain di Amerika Tengah sekarang ini sering menjadi berita utama di ikhbar-akhbar dunia. Untuk membantu pembaca-pembaca mengikuti perkembangan-perkembangan tersebut, kami kemukakan beberapa fakta utama mengenai tiap-tiap satu dari enam buah negeri di kawasan itu.

Kawasan Amerika Tengah mempunyai 21 juta penduduk, yang mana separuh dari mereka adalah orang pribumi (*Indio*) dan lebihnya adalah terdiri dari *ladinos* (mereka yang ibubapa mereka kahwin campur), *creole* (orang kulit putih yang berasal dari Sepanyol), orang kulit hitam dan penghijrah dari Eropah.

Kawasan ini terkenal dengan sistem feudalnya. Pada mulanya,

orang-orang pribumi telah digunakan sebagai hamba abdi di ladang-ladang besar, kemudian mereka diikat pula dengan sistem *economienda* — satu sistem hamba berhutang (*peon*) di mana mereka dikerah bekerja dengan tuan punya ladang besar beberapa hari dalam sebulan.

Orang kulit putih dan *ladinos* telah menindas kaum tani *Indio* dengan kejam. Akibatnya, beratus ribu orang pribumi telah mati.

Kawasan ini telah mencapai kemerdekaan dari penjajahan Sepanyol dalam tahun 1821 dan telah berpecah menjadi enam buah negeri seperti terdapat hari ini (lihat peta).

Di kesemua negeri, ekspot hasil pertanian — iaitu kopi, pisang, gula, kapas dan daging lembu — merupakan sumber pendapatan utama. Ekspot lima barang ini

merupakan 50% dari jumlah ekspot kawasan tersebut.

Kawasan tanah yang subur di negeri-negeri ini masih dimiliki oleh segelintir golongan elit, kadar buta huruf di kalangan rakyat negeri-negeri ini masih tinggi dan taraf hidup rakyat jelata adalah rendah (lihat jadual).

Guatemala

Lebih dari 60% penduduknya adalah orang *Indio*. Negeri ini berada di bawah pemerintahan tentera sejak 1954 apabila Kerajaan Jacob Arbenz digulingkan dalam satu rampasan kuasa yang disokong oleh CIA.

Semasa pentadbiran Carter, bantuan Amerika Syarikat ke Guatemala telah digantung kerana pentadbiran AS tidak puas hati dengan keadaan hak asasi manusia di negeri

itu. Tetapi di bawah pentadbiran Reagan, bantuan AS telah mengalir masuk semula.

Walaupun pihak pemerintah Guatemala telah menggunakan berbagai cara untuk menindas pihak pembangkang, namun ianya tidak dapat menghalang perkembangan empat gerakan gerila di negeri itu. Menurut setengah pemerhati politik, Guatemala merupakan negeri yang mungkin mengalami perubahan besar selepas El Salvador.

El Salvador

Negeri yang terkecil dan yang paling padat dengan penduduk di kawasan ini. Ia juga mempunyai sektor perindustrian yang besar.

Sejak 1932, El Salvador berada di bawah pentadbiran tentera. Pemerintahan negeri itu dikuasai oleh satu gabungan kecil keluarga-keluarga hartawan — dikenali sebagai *lox catorie* — yang bersikap amat konservatif. Pemerintah tentera sekarang sedang menghadapi tentangan meluas dari rakyat jelata, tetapi dapat mengekalkan kuasanya oleh kerana adanya bantuan senjata dari AS.

Nicaragua

Pemerintahan kuku-besi keluarga

Somoza, yang berkuasa di Nicaragua selama 45 tahun, telah ditumbangkan oleh satu revolusi rakyat di bawah pimpinan Barisan Pembebasan Sandinista pada bulan Julai 1979.

Kerajaan baru telah, dengan cara berhati-hati, memilik-negarakan bank dan 25% dari tanah pertanian di negeri itu. Sektor swasta masih menguasai 70% dari ekonominya walaupun pemasaran dan perosesan barang ekspot telah dikuasai oleh pihak pemerintah. Sewa telah diturunkan dan tumpuan berat diberi untuk mengatasi masalah-masalah buta huruf dan kesihatan.

Costa Rica

Costa Rica mempunyai kerajaan yang dilantik secara aman sejak 1948. Ia tidak mempunyai pasukan tentera tetap sejak 1949. Sebahagian besar dari penduduknya adalah berasal dari Eropah. Orang Indio hanya merupakan kurang dari 1% dari jumlah penduduknya.

Negeri ini mempunyai kelas pemilik tanah menengah yang besar. Namun begitu, segolongan kecil elit penanam kopi masih berkuasa di negeri ini. Kadar inflasi dan

kadar pengangguran yang tinggi telah menimbulkan keresahan di kalangan rakyatnya.

Honduras

Negeri yang paling mundur dan paling miskin di kawasan ini. 84% dari kaum taninya berpendapatan kurang dari AS\$250 (M\$550) setahun. ¾ dari kanak-kanak di kawasan desa menghadapi masalah kekurangan makanan.

Dua syarikat antarabangsa AS — United Brands dan Standard Fruit — memiliki dan menguasai 1/5 dari jumlah tanah pertanian negeri itu, yang ditanam dengan pisang. Pemerintahan tenteranya sentiasa mengawasi gerakan tani dan kesatuan sekerja.

Panama

Negeri ini, yang dikenali sebagai *jambatan dua Amerika*, telah dikuasai oleh AS sejak penguasaannya ke atas Terusan Panama pada tahun 1900. Pelaburan AS di negeri ini menghampiri AS\$3,000 juta — yang ketiga tinggi di Amerika Latin. Kawasan Terusan Panama merupakan pengkalan kepada 20,000 orang tentera AS dan pusat latihan utama untuk pasukan tentera di Amerika Latin.

Negeri	Jumlah Penduduk	Pendapatan Per Kapita (AS\$)	Agihan Pendapatan (% dari jumlah pendapatan)	Corak Pemilikan Tanah (% dari jumlah tanah yang diusahakan)	Kadar Boleh Membaca (%)	Kadar Kematian Bayi (untuk setiap 1000 kelahiran)
Guatemala	7.2 juta	900	Golongan atasan 5% dapat 34%; golongan bawahan 25% dapat 6.7%	88% penduduk memiliki hanya 14.3%; 27% memiliki 72%	47	77
El Salvador	4.8 juta	750	Golongan atasan 2% dapat 34%; golongan bawahan 67% dapat 34%	2% penduduk kaya memiliki 60%; 90% penduduk bawahan memiliki 22%	62	60
Nicaragua	2.5 juta	840	Golongan atasan 5% dapat 28%; golongan bawahan 50% dapat 15%	35% dimiliki kerajaan	88	37
Costa Rica	2.1 juta	1,540	Golongan atasan 20% dapat 55%; golongan bawahan 20% dapat 3.3%	T.M.	90	28
Honduras	3.5 juta	480	Golongan atasan 10% dapat 50%; golongan bawahan 60% dapat 15%	Golongan kaya 4% memiliki 65%	57	118
Panama	1.8 juta	1,290	Golongan atasan 30% dapat 72%; golongan bawahan 30% dapat 3.8%	T.M.	78	47

T.M.: Tiada Maklumat

GUATEMALA: PENINDASAN DAN PENTANGAN

Sebelum meletusnya perang gerila beberapa tahun dahulu, Guatemala adalah sebuah negara tumpuan beribu-ribu para pelancung dari Amerika Syarikat. Di sini terdapat sisa-sisa kebudayaan Maya yang amat indah lagi megah pada suatu masa dulu sebelum kedatangan penjajah Spanyol, terutama sekali tapak-tapak piramid dan kota kerajaan Maya.

Masyarakat Indio pribumi merupakan golongan majoriti dalam Guatemala dan pakaian mereka yang serba anika warna telah mendapatkan gelaran *Bumi Warna-Warni* bagi negara itu.

Bagaimanapun, orang pribumi juga merupakan golongan yang miskin dan tertekan sekali di mana kaum keturunan Spanyol menguasai kekayaan dan kerajaan. Kini, keindahan Guatemala sudah malap setelah perang ganas tercetus antara pihak kerajaan dan gerila. Tidak ramai pelancung yang melawat Guatemala sekarang; sebaliknya, lebih kurang 2,000 orang

Guatemala melarikan diri tiap-tiap minggu ke Mexico.

Mereka terpaksa berbuat demikian akibat dari dasar *bakar bumi* yang diamalkan oleh regim tentera Guatemala. Terdapat bangkai-bangkai perkampungan dan kubur-kubur mangsa pembunuhan beramai-ramai merata-rata di luar bandar. Mengikut laporan orang-orang pelarian, tentera kerajaan selalunya mengepung dan menyerang orang-orang kampung, menyiksa, merogol dan membakar manusia yang masih hidup.

Misalnya, pada 15hb. Februari, lebih kurang 50 orang pribumi disiksa dan dipancung kepala di sebuah kampung bernama Chumac. Pihak gerila mendakwa bahawa pada keseluruhan tahun 1981, angkatan tentera telah membunuh 13,000 orang, iaitu, lebih dari 1,000 orang setiap bulan.

Pada tahun itu juga, kegiatan pembunuhan telah meningkat dari pembunuhan perseorangan kepada pembunuhan beramai-ramai. Semenjak pihak tentera merampas

kuasa dalam tahun 1954 dengan bantuan CIA, dianggarkan bahawa lebih dari 83,000 rakyat Guatemala telah dibunuh.

Penyiksaan

Akhbar *Washington Post* telah menyoloal seorang petani berumur 60 tahun mengapa ia meninggalkan kampung halamannya untuk hidup sebagai pelarian di negeri orang. Katanya, "Bukan kerana saya takut mati, sebab saya tak akan hidup lama lagi. Saya takut cara-cara mereka membunuh. Mereka potong telinga, hidung dan lidah; kemudian mata dicungkil. Mereka kata cara ini tak merugikan peluru."

Orang tua itu membawa anak bininya ke Mexico setelah askar-askar membunuh 40 orang penduduk kampungnya, termasuk beberapa sanak-sekeluarga. *Washington Post* melaporkan bahawa semua pelarian menyebutkan bahawa tentera kerajaan yang melakukan keganasan.


Bukan sahaja rakyat jelata yang menjadi mangsa, tetapi warganegara AS yang bertugas dalam pertubuhan gereja juga turut terkorban. Pada 13hb. Februari, seorang paderi AS bernama James Arnold Miller ditembak mati oleh 4 orang yang bersenjatakan mesingin. Sebelum peristiwa itu, 2 orang paderi AS juga pernah terbunuh. Kerajaan Guatemala amat tidak senang dengan kegiatan paderi-paderi seperti Miller yang cuba membela nasib rakyat jelata.

Dalam 20 bulan yang kebelakangan, sebanyak 12 orang paderi dan hampir 200 pekerja gereja telah dibunuh. Seorang paderi tempatan yang telah keluar negeri menceritakan bagaimana 1,000 orang terkorban apabila pihak tentera menyerang daerah Chumpol dengan kapalterbang, helikopter dan kereta kebal. Dia sendiri telah mengira 300 mayat.

Bagaimanapun, Presiden Reagan cuba memberi pertolongan kepada regim tentera yang diketuai oleh

Tiga Jenderal yang merampas kuasa 23 Mac





Gerila El Salvador

Jen. Lucas Garcia. Bantuan dari AS telah digantung oleh bekas Presiden Carter dalam tahun 1977 oleh kerana rekod pembunuhan dan kekejaman yang melampau.

Justeru, pentadbiran Reagan mengharapkan bahawa pilihanraya umum pada 7 Mac lalu akan membuktikan kewujudan demokrasi. Tetapi keputusan undi itu telah dibantah oleh calun-calun yang kalah; pada 23 Mac pula satu kumpulan jeneral telah menggulingkan Jen. Lucas Garcia.

Gerakan Gerila

Pasukan gerila di Guatemala bergerak di bawah bendera Pertubuhan Revolusioner Nasional, satu gabungan 4 buah badan gerila. Pada zaman enam puluhan dahulu, pergerakan gerila telah dibasmikan oleh pihak kerajaan dengan bantuan tentera AS dan CIA, tetapi kini mereka telah bertapak semula.

Mereka telah memaju dari menyerang ladang-ladang dan pengkalan-pengkalan tentera kepada peringkat menyerang pekan-pekan dan bandar-bandar kecil. Pada 8hb. Februari, mereka telah menyerang ibu negara Guatemala dan menawan tiga stesen radio selama beberapa jam. Pihak pemerhati berkata kawasan barat-laut Guatemala mungkin sudah terlepas dari pemerintahan kerajaan kepada tangan gerila.

EL SALVADOR: SIAPA DAPAT SELAMATKANNYA

Kenapa pentadbiran Reagan bersikap tegas terhadap pemberontakan di El Salvador? Bagi menjawabnya, kita harus melihatnya dalam konteks dasar AS pada keseluruhannya.

Cita-cita Presiden Reagan ialah supaya AS akan menjadi kuasa politik dan militer yang tiada sebanding di dunia, khasnya dari Rusia. Seterusnya, sistem perniagaan bebas antarabangsa dapat dipertahankan dan kemakmuran AS akan terjamin selama-lamanya.

Mengikut pandangan ini, tiap-tiap pemberontakan di dunia, khasnya di Amerika Tengah, adalah hasutan golongan komunis yang bergerak untuk kepentingan Soviet. Ini berdasarkan *teori domino* yang sudah lapuk, iaitu, bermula dari Cuba, *bahaya komunis* sudah menawan Nicaragua, meresap ke El Salvador serta Guatemala dan lama-kelamaan akan sampai ke sempadan AS sendiri. Justeru, AS harus bersikap keras di Amerika Tengah.

Bagi tujuan ini, Presiden Reagan bersedia bukan sahaja membekalkan bantuan wang dan benda kepada regim Duarte di El Salvador, tetapi sanggup menghantarkan pasukan tentera AS kepadanya. Sebaliknya, langkah ini ditentang dengan sekeras-kerasnya oleh ramai rakyat AS dan beberapa wakil mereka di Konggres, untuk mengelakkan penglibatan tentera AS seperti di Vietnam dulu.

Pemerintahan Tentera

Regim Duarte bukanlah sebuah pemerintahan demokrasi tetapi satu boneka yang ditegakkan oleh pihak tentera Salvador, yang telah me-

merintah semenjak 50 tahun dahulu. Pada 26 Mac 1982, suatu pilihanraya telah diadakan untuk membersihkan imejnya tetapi walau bagaimanapun, hanya mereka yang disokong oleh para general sahaja dapat berkuasa.

Pihak tentera adalah yang ditakuti sekali oleh golongan petani di luar bandar. Dalam memburu gerila, askar-askar El Salvador tidak segan membunuh penduduk kampung beramai-ramai, tidak kira perempuan atau kanak-kanak.


Misalnya, di sekitar daerah Mozote, pihak tentera telah membunuh 926 orang, termasuk 280 kanak-kanak bawah umur 14 tahun. Satu angka yang dikumpul oleh Pertubuhan Gereja Katholik menunjukkan bahawa sebanyak 12,501 orang awam telah dibunuh pada tahun 1981.

Gereja Diancam

Ahli-ahli Gereja Katholik seperti paderi dan rahib juga telah dibunuh oleh kerana sikap kritikan mereka yang membela rakyat jelata. Pada bulan Mac 1980, Archbishop Oscar Romero sendiri telah ditembak mati oleh orang-orang yang masih belum ditangkap.

Tiga orang rahib dari AS dijumpai mati pada Disember 1980. Adalah dikatakan bahawa seorang pegawai tinggi tentera yang bertanggung jawab, tetapi regim Duarte enggan menyiasat mereka yang sudah disyaki oleh ramai orang.

Archbishop Romero dipercayai menjadi mangsa suatu *kumpulan pembunuhan* yang dianggotai oleh ahli-ahli tentera secara sulit. Mereka terdiri dari fanatik-fanatik sayap



Polisi kami adalah tembak dulu, tanya kemudian. Kamu Kommuniskah?

kanan dan membunuh dengan kejam sekali, umpamanya, meninggal mayat tanpa kepala, dsb. Gereja Katholik menganggar bahawa kumpulan ini bertanggung jawab kepada 80% dari 30,000 pembunuhan dalam dua tahun kebelakangan ini.

Kumpulan-kumpulan ini diketuai oleh pegawai-pegawai polis dan tentera seperti Mejar Robert D'Aubission. Bekas duta AS bernama Robert White pernah menggelarkannya "psycopath" (*suka membunuh*) dan mengaitkannya dengan kematian Archbishop Romero.

Namun begitu, beliau diberi peluang bertanding dalam pilihanraya bulan Mac dan Parti Arena yang dipimpinnya menetuai perikatan yang telah menang dalam pilihanraya itu. Seorang lagi bernama Mejar Roedar Escobar dikatakan ketua suatu kumpulan yang mempunyai 400 orang pembunuhan.

Kini, ada 50 orang penasihat tentera AS yang bertugas dalam tentera El Salvador. Mereka dilarang melibatkan diri dalam pergerakan, kononnya; malah, mereka tidak dibenarkan membawa senjata perang.

Tetapi beberapa saksi telah melihat mereka dalam pergerakan pemburuan, memandu helikopter dan membawa senjata M16. Apabila satu syarikat TV dari AS menunjukkan seorang penasihat AS terlibat dalam operasi, askar itu telah dipulangkan ke AS dengan segera.

Bantahan

Bagi menolong kerajaan El Salvador, Presiden Reagan memerlukan sokongan dari Konggres. Sebagai badan perwakilan yang sepatutnya mencerminkan fikiran orang ramai Konggres enggan melibatkan AS dalam menegakkan regim kukubesi.

Satu perwakilan yang menyiasat keadaan sebenarnya berpendapat bahawa AS tidak harus campurtangan. Mereka berkata bahawa regim Duarte "tiada keadilan, tiada kemanusiaan" dan tiada satupun yang baik.

Satu pungutan suara yang dibuat oleh Gallup dan disiarkan dalam majalah *Newsweek* pada 1hb. Mac menunjukkan bahawa 89% rakyat AS tidak setuju menghantarkan tentera AS ke El Salvador dan hanya 8% sahaja yang setuju. Sebanyak 54% berpendapat bahawa Washington patut berhentikan semua bantuan, dan 49% berfikir bahawa Presiden Reagan telah tersilap dengan tindak langkahnya.

Dari segi antarabangsa, Presiden Portillo dari Mexico adalah pembangkang keras penglibatan tentera AS di Nicaragua ataupun El Salvador. Beliau mensyorkan supaya Washington bersedia menyelesaikan masalah pemberontakan di rantau itu melalui rundingan dengan kumpulan gerila yang berhak wujud dan diiktirafkan. Sekutu-sekutu AS di Eropah juga enggan menyokong dasar-dasar Reagan.

Pemberontakan di El Salvador dipimpin oleh Barisan Demokratik Revolusioner (BPR) dengan sayap tenteranya bernama Barisan Pembebasan Nasional (BPN). Seorang wartawan *Washington Post* bernama Alma Guillermoprieto melaporkan bahawa tentera kerajaan telah kehilangan 25% wilayah di luar bandar kepada BPN, dan mungkin akan kehilangan banyak lagi jika BPN terus meletupkan beberapa jambatan penting.

Pemberita yang sama melaporkan lagi bahawa tentera gerila bukan diketuai oleh orang luar, iaitu Cuba. Anggota mereka terdiri dari para petani yang pernah menjadi mangsa keganasan regim Duarte. Dengan sebulat suara, mereka menyatakan keazaman untuk "menghapuskan kezaliman". Tidak lama kemudian, pemberita itu dibuang negeri.

siri kartun-sambungan dari bulan lepas



PADA PEKERJA DUDUK DALAM SEBUAH BILIK BESAR DAN BISING. KAMI TUNGGU SETINGGA TIBA WASA REHAT SUPAYA KAMI BOLEH MASUK BERBIAU DENGAN MEREKA.

EN.Z: RADIO SAYA MEMBANTU MEMBANGUNKAN SAYA PADA PUKUL 6 TIAP-TIAP PAGI. SAYA TIDAK TERUS BANGUN. SAYA BERBARING DULU SAMA-SAMA MENDENGAR BERITA DI RADIO. KIRA-KIRA 15 MINIT KEMUDIAN, BARULAH SAYA BANGUN DAN MANDI. UNTUK SARAPAN PAGI, BIASANYA SAYA MINUM SEKELAS BESAR KOPI BAGI MENAHAN DARI MENGANTUK, BEBERAPA BIJI TELUR DAN DAHQIN. SAYA KETAKTAKN ISTERI SAYA, ANTARA JAM 6.30 DAN 7.00 PAGI. ISTERI SAYA PUN BEKERJA. KAMI BERDUA PERLU BEKERJA UNTUK MENAMPUNG PEMBELANJAAN HARIAN. SAYA BEKERJA DI SEBUAH KILANG PEMASANG ELETRONIK. SAYA MESTI DATANG KERJA TEPAT PUKUL 8.00. KALAU TIDAK, GATI SAYA PADA HARI ITU AKAN DI KURANGKAN SEBANYAK ENAM MINIT. DI STESYEN, SAYA AKAN DI BERIKAN BEBERAPA KOTAK LITAR ELETRONIK UNTUK DI UJI. BAHAGIAN SAYA BEKERJA 24 JAM SEHARI. SAYA SAMBUNGKAN LITAR LETRONIK INI KEPADA SATU ALAT KOMPUTER YANG AKAN MENYESAII LITAR-LITAR YANG ROSAK. LITAR-LITAR YANG ROSAK SAYA ASINAKAN DI SEBELAH DAN AKAN DI PUNGQUIT DARI WASA KE SEMASA. SAYA TIDAK MAHU BERFIKIR MENGENAI APA YANG SAYA KERTAKAN SETIAP HARI. KALAU SAYA FIKIRAN, SAYA MUANGKIN JADI GILA — KERJAINI SUNGGUH MENJEMUKAN. SYARIKAT MENGAMBIL RAMAI PEKERJA WANITA DARI MEXICO. DULU, MEREKA MENGADAKAN PERGERAKAN-PERGERAKAN PERSATUAN. AKIBAT NYA, SEBUAH KILANG TELAH DI TUTUPKAN DAN DI PINDAHKAN KE PUERTO RICO CERANA PEKERJA-PEKERJA MENGAMBIL TINDAKAN BEKERJA IKUT PERKURAN. SEKARANG, PERSATUAN SUDAH TIDAK ADA LAGI KERANA PEKERJA PEKERJA TAKUT KEHILANGAN PEKERJAAN MEREKA. KADAR PENGGANGURAN DI BANDARINI SEKARANG TELAH NAIK SEBANYAK 37.2% KERANA RAMAI ORANG LUAR DATANG, KESINI UNTUK MENCARI PEKERJAAN. SAYA SEKARANG BERUMUR 50 TAHUN. SAYA PERNAH BEKERJA DI KILANG PEMBUAT KAPAL TERBANG. SAYA BEKERJA DISANA SELAMA 29 TAHUN. KEMUDIAN MEREKA MEMBERSHENTIKAN SAYA SELAMA SATU TAHUN SESELUM SAYA LAYAK MENERIMA PENSYON.

KAMI TINGGALKAN KILANG TERSEBUT DAN PERGI KE SESERANG JALAN KESEBUAH KEDAI KOPI. DI SINI KAMI BERHUSU DENGAN BEORANG, PELAYAN KEDAI KOPI.



CIK P : INI IALAT TEMPAT YANG TERMURAH SEKALI DI BANDARINI. SAYA MENDAPAT SESEBANYAK \$1.25 SEJAM, SETELAH DITOLAK BAYARAN MAKAN DAN SAYA MENDAPAT SEBANYAK #2.00 SEJAM DARIPADA BERIAN TIP. SAYA BERBERTUQ GILIRAN SHRAPAN PAGI DAN TENGAH HARI, UNTUK DARI PUKUL 3 PAGI HINGGA PUKUL 2 PETANG. TEMPATINI SUNGAIH SIBUK DENGAN PELANGGAN DAN KADANG-KALA MERBUKA TERPAESA MENUNGGU. PENGETUS SENTIASA SAMA MENGAUASI PEKERJAAN KAMI. SELEPAS BERBERTUQ SAYA MENGAMBIL ANAK SAYA PULANG DARI SEKOLAH. SAYA PULANG KE RUMAH DAN KEMUDIAN SAYA ATAU ANAK SAYA MENYEDIAKAN MAKAN MALAM. LEWAT MALAM, SAYA MERASA SUNGAIH LETIH. TAMBAHAN PULA DENGAN ANAK-ANAK YANG NAKAL. RUMAH DEWA KAMI PULA TERLAKU SEMPUK. TIDAK LAMA DALU, TUAN PUNYA RUMAH BANGUNAN KAMI CUBA MENAHKAN SEWA SEBANYAK #20.00 SEBULAN. KAMI MEMBANTAH. KAMI BERANAI-RAMAI MENUHUKAN SEBUAH PERSATUAN PENYEWIA RUMAH DAN KEMUDIAN BAWA PERKARAINI KE MAHKAMAH. TUAN RUMAH INI MEMPRINYAI MODALNYA DALAM SEBUAH SYARIKAT PEMAKU PERUMAHAN. OLEH KERANA SYARIKAT MEREKA TIDAK MEMPRINYAI APA-APA RANCANGAN MASA ITU, Maka MEREKA DITETAS DALAM PEMBIRUAN. TAPI BARU-BARUINI, SAYA DENGAR MEREKA MATHI MEMBAHAGIKAN BANGUNANINI UNTUK DIJADIKAN BANGUNAN PETABAT. JADI ORANG-ORANG MISKIN AKAN DI HALAU KELUAR DAN DIGANTI OLEH ORANG-ORANG KAYA. DENGAN CARAINI, MEREKA AKAN MEMPELOLEHI LEGIT BANYAK UNTUNG.

KEKAYAAN DUNIA SELURUHNYA DI KUASAI OLEH SEGELINTIR MANUSIA.

Peterson
School of Business,
Allied School of Mechanic
al Trades, Inc Speedwriting
Inc Bailey Technical Schools, Inc
ITT Business Institute Inc.
Bramwell Business College, Hem
mell Business University, Elec
tronics Institute of Technolo
gy, The Office Training
School Applied Institute
of Technology, Tem
ple Schol. Inc

Hensel Valve & Instrument
Texas Instruments Inc. Barton
Tool Co. Stover Tanks
Thompson Industries Inc. Mead Motor
and Machine Inc. Avery Corp.
ITT Semi-Conductors Inc. Livery Corp.
Brooks Equipment General
Corp. Controls Co. Systems
Ltd. ITT Systems Con
Pansylvania Steel Corp. Bydon Brass
Manufacturing Co. (Marine hardware)
ITT Rayonier Deca
Heating and Air Conditioning
Systems (navigation equipment) ITT Avi
onics (anti-submarine warfare)
Pumps ITT
May's Furnace Company Marion
ITT Pasco Inc., ITT Wakefield, Leiman
International Electric Corp. Amplex Corp
Vulcan Electric Co. Art Metal
Lighting ITT Reznor ITT
Nesbitt Pearson Candy Company
Industrial Cafeterias Inc. Menumat Boston
Jacques French Restaurants Inc., Chicago

Levitt Sons, Inc. Residential Residential
Community shopping centers
United Homes Corp
American Building Services Inc
Mass. Trades Shops Corp
Hartford Cleaning Co.
United Building Service
City Foundry & Foundry

Howard W. Sams
Magazines Books
The Bobbs-Merrill Co.
Group ITT Education
Services Inc. Review
Service of America
Marquis Who's Who
Kappa Alpha Society
National Society

Research and Development

ITT Aerospace/Optical, Electro-Physics
Labs, Inc. Ternsworth Research Corp.
(satellites, communications) Industrial Labor
atories Division, ITT Electron Tube Division
(defense, space, marketing) Sterling Design Co.
International Standard Engineering Inc. Co.
ITT Management & Research, Inc.

ITT Data Service (Navy contracts)
burp!
ITT Federal Support Services Inc. ITT
Technical Services Inc. Federal
Electric Corp. (NASA CEO, Air Force
navigation radar contracts) ITT Aero
space

KITA AMBIL SAJA
ITT SEBAGAI
CONTOH NYA.


ITT Jasper
Blackburn Co.
(electric parts)
Royal Electric Co.
Ltd ITT Electron
Service Co Ltd of
Canada CFS Lighting
Maintenance (to ITT Ele
tron Tube American
Electric Manufac
turing Corp. (seal
lants), ITT Light
ing Fixtures ITT
Aetna Corp., Bergan Corp., Fire Insurance
ITT Hamilton Life Insurance Co.
Abbey Life Insurance Co. of Canada Lynden Life
Liberty Investors Benefit Insurance Insurance
Modern Life Insurance Co ITT
Life & Health Insurance Co.
Co of New York ITT Credit
Corp. ITT Financial Services Inc. Aetna
Finance Co. Thorpe Finance Corp.
(consumer loans) Mutual Funds - ha
milton Management Corp. Hamil
ton Brothers ton Securities Corp. Inter
national Growth Fund Inc.
Co of Canada International Income
Fund Inc.

Smithfield Hams
ITTGwartney Butcher and
Meat Manufacturer Wonder Snack
O'Carroll Foods Pampers Co
Ritzy Co. Hostess Cakes
Morton Frozen Foods
Canteen Corp. (vending)
Industrial Cafeterias Inc. ITT Continental
Menumat Boston Baking Co., Inc.
Jacques French Restaurants Loves Ltd. Grinnell
Corp. (fire protection sprin
Central America Tables & Chairs Inc.
ITT Caribbean Industrial Products
Inc. ITT Geophysical Inc. ITT Latin
America Inc. ITT Far East & Pa
cific Inc. ITT Export Co. ITT World
Communications Inc. ITT Europe Inc.
Puerto Rico Telephone Co, ITT Towns
plants & companies in Argentina, H
Australia, Austria, The Bahamas, H
Belgium, Brazil, Canada, Chile, Colum
bia, The Congo, Cuba, D, Denmark,
England, Finland, France, Germany,
Greece, Hong Kong, Iran, Ireland,
Italy, Indonesia, Jamaica, Lux
embourg, Mexico, Morocco, Mala
isia, New Zealand, Nigeria, Nor
way, Northern Ireland, the
Netherlands, Panama, Peru, Por
tugal, Puerto Rico, The Philip
pines, Rhodesia, Scotland
South Africa, Spain, Sweden,
Switzerland, Sunnam, Thailand
Tunisia, Turkey, Uruguay,
Venezuela, the Virgin Islands, and
Zambia, producing electric and
lighting equipment, telecommunications
radio auto & marine parts, motors
tamps, starters, flywheel, tools, metal & plastic
ware, etc. ITT Corp. parking, hotel's fixtures

Press Wireless Inc. The Com
mercial Cable Co All Amer
ican Cables and Radio
Inc. American Cable
and Radio Corp., Radio
Television Inc. ITT
Eaton Lustra
Corp. Union Ele
tric ITT Illumi
nation Inc. Cham
pion Inc. (amps, bulbs
knobofishes, lighting
fixtures)


ITT Wire
and cable
Inc.

ITT Telecommunications
United States Telephone &
Telegraph Co.
ITT World Dire
ctories Inc.
ITT Terry phone &
Mobile Telephone in
Systems Installation
Inc. Intertex System



Sheraton Corp. of
North America (Sheraton,
Biltmore, Four Am
bassadors, Ritz
Park Sheraton Cleve
land Motels (Holiday
Inns) etc. Sheraton/Thom
son Inc. (operates hotels,
apartments, office buildings)
APCOA Airport Parking
Company of America
(also operates bus,
taxis, limo
services)
Transportation
Display Co (adver
tising + timetables)
BUY Advertising
Company
ITT Consumer Services Corp.
Airport Parking & Motel Company

ITT AVIS
Rent-a-Car
National Auto Rental
National City Truck Rental
State Auto Parks Holdings
Diplomat
Parking Corp.
Thompson Industries Inc. (Auto
accessories)



•sambung bulan depan

JAMBATAN TIDAK MENYEBERANG

Mohd. Affandi Hassan

Waktu Mazlan pulang ke kampungnya di Permatang Pinang setelah berada di luar negeri kira-kira enam tahun, jambatan sementara yang dibina dua tahun selepas merdeka, sebagai janji pilihanraya, masih digunakan dan masih tersergam dengan segala keburukannya. Dengan itu sudah hampir dua puluh tahun jambatan sementara itu digunakan, dan Mazlan serta orang kampungnya tidak pasti untuk berapa tahun lagi jambatan kayu yang sempit itu akan digunakan. Mazlan tidak ingat lagi sudah berapa ratus kali rakyat yang banyak menggunakan jambatan itu membuat rayuan kepada kerajaan negeri supaya dibaiki atau diganti baru dengan yang tidak sementara. Tetapi setelah lebih dari dua puluh tahun membuat rayuan, dan banyak pula di antara yang membuat rayuan itu sudah mati, rayuan itu tidak juga dipedulikan. Para pengguna jalan raya dan tuan punya kereta pun sudah berkali-kali membuat rayuan yang sama, namun itupun tidak juga mendapat perhatian.

Jambatan itu panjangnya kira-kira 300 kaki, lebarnya sekira-kira cukup untuk lalu sebuah bas. Lori-lori tidak dibenarkan lalu, mengikut papan kenyataan yang hampir reput dan tidak terang lagi tulisannya. Tetapi lorilah yang banyak menggunakan untuk memunggah barang-barang dagangan sejak akhir-akhir ini, yakni sejak kawasan industri dibuka di Padang Mak Andeh. Apabila bas yang sentiasa penuh penumpang itu hendak lalu, semua orang akan turun dan terpaksa berjalan kaki sejauh kira-kira tiga ratus kaki, tidak kira hujan lebat atau panas terik. Bas hanya dapat lalu jika tidak berorang. Jika penuh penumpang, jambatan itu ditakuti runtuh.

Sejak kecil, dan setelah dia kembali dari seberang laut itu pun, Mazlan sudah acapkali menyaksikan kemalangan yang tidak perlu, yang memang dapat dielakkan dari berlaku jika jambatan baru dibina. Seminggu setelah dia pulang, dia menyaksikan lagi kejadian yang dahsyat yang membunuh orang kampungnya.

Dalam hujan renyai, sebuah bas berhenti. Penumpang-penumpangnya berduyun-duyun turun dan dengan pantas pula berlari-lari menyeberangi jambatan itu. Bas pergi dulu. Di antara orang ramai itu, seorang perempuan muda bersama tiga orang anaknya juga turut menyeberang, setelah dia tidak berjaya merayu driver bas supaya dia dan anak-anaknya tidak diturunkan.

"Hang kena ikut orang ramai," kata driver bas. "Aku tak boleh kasi hang naik. Nanti orang marah."

Perempuan muda itu berdegil juga tidak mahu turun.

"Turunlah," tengking driver bas, dengan sokongan pembantunya yang masam mencuka mukanya kerana merasa terganggu.

Perempuan muda itu turun. Dia mendukung seorang anak kecil, memimpin anaknya yang berumur kira-kira dua tahun, sementara anaknya yang satu lagi berumur tiga tahun setengah berlari-lari di atas jambatan tua itu. Perempuan muda itu menjerit-jerit mengawal anaknya supaya jangan berjalan di tengah jambatan kerana kereta lalu tidak putus-putus. Ibu muda itu berlari-lari kecil sambil menudung anak dalam dukungannya dari ditimpa hujan, sementara tangannya yang satu lagi memimpin anaknya yang seorang lagi. Ketika berlari anak sambil menjeritkan anaknya itulah dia mendengar satu jeritan halus yang mengerikan di belakangnya. Dia baru saja lepas melintas, terdulu dari anaknya yang nakal itu. Ketika dia berpaling mencari anaknya, dalam hiruk pikuk jeritan orang ramai yang baru saja menyaksikan satu kemalangan, ibu muda itu melihat anak lelakinya tergolek di atas jambatan berlumuran darah, tidak berapa jauh dari tempat dia menunggu. Tidak disedariinya sebuah kereta Mercedes yang masih baru meluru dengan deras hampir-jampir melanggarnya, hampir terjerumus ke dalam sungai sewaktu mengelakkan anak yang sudah tergolek di atas jambatan. Seorang taukeh boyot pertengahan umur keluar dari keretanya dengan marah menjeritkan kepada anak yang sedang menggelepar kesakitan:

"Gilakah? Nak matikah?"

Dia mengheret anak itu ke tepi, kemudian menekan minyak keretanya dan berlalu dari situ dengan maki hamun. Dari kelakuannya, nyatalah dia amat gopoh hendak mlarikan dirinya secepat mungkin dari tempat kemalangan itu.

Ibu muda itu terpegun, seperti kena pukau, melihat segala peristiwa yang berlaku dengan pantas dan ringkas serta mudah itu. Hanya setelah kereta Mercedes itu berlalu dari situ, baru dia insaf bahawa dia sedang menyaksikan satu kemalangan yang menimpa anaknya sendiri.

"Anakku! Anakku!" ibu muda itu menjerit sekuat-kuat hatinya dalam hujan renyai itu.

Perempuan muda itu, yang masih mendukung anaknya dan memimpin yang seorang lagi, berlari-lari mendapatkan anaknya dalam hujan yang semakin kasar butirnya. Beberapa orang penumpang yang sudah lepas menyebarang berlari sama. Anak itu mengerang beberapa ketika. Darah membuk-buk dari kepalanya yang pecah terhantuk kayu-kayu tua jambatan, atau mungkin juga terkena bumper Mercedes tadi. Tidak lama kemudian dia menendang-nendang kakinya, seolah-olah mencari kekuatan terakhir. Kemudian diam. Sekujur tubuhnya

berdenyut-denayut beberapa saat. Setelah itu senyap sepi. Wajahnya tenang saja, seolah-olah tidak menderita apa-apa kesakitan.

Ibu muda itu terjerit terlulong mendakap anaknya yang sudah menjadi mayat. Hujan semakin kasar butirnya, dan titis-titis hujan dengan lembut sekali membasuh kesan-kesan darah di muka anak kecil itu, juga mengusap perlahan-lahan kesan-kesan darah di atas papan tua yang entah sudah berapa kali menyaksikan peristiwa serupa itu.

Selepas peristiwa itu, Mazlan mengadakan perjumpaan tergempar dengan ahli Jawatankuasa Kampung dan orang ramai. Keputusan diambil untuk menemui Ketua Menteri serta merta, membawa katadua orang kampung: bina yang baru, atau jambatan itu akan dibakar oleh orang-orang kampung.

Tetapi pemergian mereka mendapat sambutan yang amat dingin. Mereka gagal menemui Ketua Menteri yang ada tugas penting, membuka sebuah resotran baru di satu tempat peranginan. Mazlan ingin bertindak serta merta, tidak sabar lagi menerima layanan yang bukan berupa layanan itu.

"Sabar, Mazlan. Sabar," pujuk orang tua-tua kampung.

"Kita sudah lama bersabar, tapi mereka tidak bertimbangrasa samasekali," kata Mazlan kesal. "Jika sesuatu terjadi, kita terus dipersalahkan. Mereka tidak bersalah. Mereka jadikan kesabaran kita untuk menindas kita. Kita nak sabar lagi?"

"Kita pergi jumpa sekali lagi," pujuk orang kampung.

"Jika tidak berhasil, bagaimana?" tanya Mazlan men-cabar.

Orang kampung termenung.

"Kita terus diam?" cabar Mazlan lagi.

"Kami izinkan kau bertindak, apapun tindakanmu," tegas orang kampung beramai-ramai.

Lalu mereka pergi sekali lagi menemui Ketua Menteri. Kali ini wakil Ketua Menteri bersedia menemui perwakilan orang kampung. Mazlan yakin surat bantahan yang mereka tinggalkan di pejabat Ketua Menteri tempoh hari tidak dipedulikan, melihat sikap dingin kerajaan. Dia merasa kerajaan menyalahkan orang kampung kerana membuat heboh tentang sebuah jambatan tua yang masih boleh digunakan. Ketua Menteri dan rakan-rakannya seolah-olah ingin membalas dendam terhadap orang kampung Permatang Pinang yang tidak pernah menyokong mereka selama ini.

"Kami minta jambatan yang merbahaya itu diganti baru," kata Mazlan tegas.

Wakil Ketua Menteri tersenyum.

"Tidak perlu lagi," kata wakil Ketua Menteri lembut. "Kerajaan sudah buat jalan baru. Tak payah melintas jambatan itu lagi, kalau tuan-tuan tidak mau."

Memang benar jalan baru itu sudah siap, tetapi dibina bukan untuk keperluan orang-orang kampung. Jalan itu

jalan perdagangan.

"Jalan itu tidak perlu, tuan," bantah Mazlan. "Kami tidak mengerti mengapa jalan baru itu perlu dibuat padahal yang lebih utama ialah menggantikan jambatan yang buruk dan merbahaya itu. Jambatan itu kami perlukan."

Wakil Ketua Menteri tersenyum nakal, seolah-olah berkata, "Orang-orang kampung ini cerewet sangat. Semua tak tena."

"Jalan itu akan membuka kawasan industri baru di kampung Permatang Pinang, kampung tuan-tuan. Jalan itu berguna untuk orang-orang Melayu," kata wakil Ketua Menteri bersungguh-sungguh.

Melihat orang kampung diam, wakil Ketua Menteri berkata lembut, "Jalan itu kami buat untuk tuan-tuan, supaya tidak menggunakan jambatan yang sudah buruk itu. Jalan baru itu adalah projek kami, hadiah kami kepada tuan-tuan. Jambatan buruk dan merbahaya itu dibina oleh kerajaan dulu. Kami tidak mau bertanggung-jawab. Kami memberikan tuan-tuan projek yang lebih baik dan lebih menguntungkan. Janganlah susahkan pejabat ini lagi dengan rayuan dan ugutan. Kami telah memberi lebih dari yang tuan minta. Jalan baru itu lebih mahal dari harga membina jambatan yang tuan-tuan minta itu. Percayalah, kami tidak pernah sia-siakan permintaan tuan-tuan."

"Kami tidak yakin tujuan tuan semurni itu," kata Mazlan berterus terang. "Jika tuan lebih utamakan kesusahan kami, tentulah jambatan yang lebih murah harganya itu yang tuan bina, bukan jalan baru yang tak kami perlukan."

Merah muka wakil Ketua Menteri. Tetapi dia tetap tenang dan tersenyum manis.

"Tuan-tuan memandang terlalu rendah, penuh buruk sangka terhadap kerajaan yang tuan-tuan pilih sendiri," kata wakil Ketua Menteri sambil menggelengkan kepala-nya. "Tidak adil. Tidak adil menaruh curiga terhadap niat kami yang murni. Bukti sudah jelas. Kerajaan dulu membohongi tuan-tuan dengan membina jambatan sementara yang merbahaya itu. Kami tidak. Kami beri segala kemudahan sedaya yang kami dapat. Hanya tuan-tuan yang tidak berterimakasih nampaknya."

Merah telinga Mazlan mendengar tempelak dan ejekan di akhir ucapan lembut wakil Ketua Menteri itu. Itulah kebiadapan dalam diplomasi, rungutnya dalam hati.

"Kami terima pemberian tuan," kata Mazlan dengan suara menyindir, menekankan perkataan "pemberian" itu. "Tapi jambatan itu kami perlukan juga, kerana ia merupakan jalan terdekat bagi kami. Tapi jika tuan bersetuju, kami mohon jambatan itu ditutup terus kepada lalu lintas."

"Oh, itu tidak boleh," kata wakil Ketua Menteri pantas. "Banyak orang lain hendak guna. Bas. Kereta. Bas sekolah. Tak boleh. Tak boleh tutup. Tungguh kami usahakan nanti. Harap tuan sabar buat sementara

ini."

"Sudah lama kami sabar," sambut Mazlan cepat. "Baru-baru ini seorang anak tiga tahun mati dilanggar kereta sewaktu turun bas menyeberangi jambatan itu. Tuan mau itu berlaku terus?"

"Saya tua," kata wakil Ketua Menteri perlahan, seakan-akan berbisik. Wajahnya kelihatan, atau memperlihatkan, kesedihan dan simpati.

"Itulah kami minta diganti segera. Kami mau jambatan baru," tegas Mazlan.

Sepi.

Kemudian wakil Ketua Menteri menjemput orang-orang kampung itu minum.

"Sila minum," pelawa wakil Ketua Menteri manis.

Mazlan tahu jalan baru itu dibuat kerana kerajaan baru tidak mahu membaiki jambatan buruk yang dibina oleh kerajaan lama. Wakil Ketua Menteri sendiri telah mengakuinya tadi. Lagi pula tujuan jalan baru yang merentang kampung Permatang Pinang itu dibina ialah untuk membahagikan kawasan sekitarnya kepada dua kawasan yang berbeza: satu kawasan industri yang dipunyai oleh taukeh-taukeh dan para kapitalis, dan satu kawasan kampung yang terbiar yang didiami oleh orang-orang kampung yang miskin. Dari kawasan inilah datangnya kuli-kuli untuk bekerja di kilang-kilang di kawasan industri itu. Kuli-kuli ini dibayar gaji yang murah. Kuli-kuli inilah yang menggunakan jambatan itu. Mazlan cukup arif dan tahu benar akan polisi yang memisahkan dengan bijaksana dan tidak terasa itu. Yang akan hancur ialah orang-orang kampungnya yang lapar wang dan lapar kemewahan kecil — radio, tv, perabot yang murah harganya, rug harga murah, basikal atau motosikal barangkali. Mereka akan didesak perlahan-lahan untuk menyerahkan segala kepunyaan mereka dengan kerelaan mereka sendiri, semata-mata untuk mendapat sedikit wang dan menikmati kemewahan kecil yang sebenarnya menguntungkan orang lain. Dia telah memberitahu orang-orang kampungnya akan kemungkinan itu, tetapi mereka tertawa saja, geli hati melihat kegelisahannya yang menurut mereka hanya sangkaan belaka.

Mazlan tidak meneguk minumannya. Wakil Ketua Menteri menjeling marah dan benci, tanpa sepatah kata.

"Kalau tuan tidak ganti jambatan itu, atau tutup terus, kami akan bakar," tiba-tiba Mazlan bersuara. "Mungkin kami akan membinanya dengan tenaga kami sendiri, jika kami perlukan jambatan itu lagi."

Wakil Ketua Menteri terkejut mendengar cabaran dan amaran yang tiba-tiba itu. Gelas minumannya diletakkan dengan cepat, untuk menghadapi Mazlan dengan lebih yakin dan lebih bersedia.

"Sabar, jangan bertindak ikut nafsu. Kami akan ganti bila ada wang kelak. Percayalah," kata wakil Ketua Menteri cepat-cepat, seolah-olah memujuk.

"Adakah itu janji politik atau keputusan muktamat?" Mazlan mendesak dengan pertanyaan.

"Kami akan usahakan."

"Bila?"

"Itu sukar ditentukan. Sekarang belum ada peruntukan."

"Kami beri tuan tempoh dua minggu untuk membuat keputusan. Selepas itu kami akan bertindak sendiri."

Pertemuan itu diakhiri dengan kekecewaan bagi kedua belah pihak. Wakil Ketua Menteri mengutuk kegagalan diplomasinya. Dia mengutuk Mazlan yang degil dan cerdik. Kedegilan dan kecerdikan itu membuatnya serba salah. Mazlan dan orang-orang kampungnya merasa amat kecewa kerana usaha mereka tidak berhasil lagi. Mazlan tahu apa yang diucapkan oleh wakil Ketua Menteri tidak akan dikotakan. Sudah jelas Ketua Menteri dan rakan-rakannya tidak berminat hendak membina jambatan baru itu, di tempat itu, berdasarkan keperluan orang-orang kampung semata-mata.

Pertemuan yang gagal itu dengan segera diberitahu kepada Ketua Menteri. Serta merta diadakan mesyuarat keselamatan.

"Kita tangkap Mazlan, tuan?" cadang pegawai keamanan.

"Tidak perlu jika ada tindakan lain yang lebih berkesan," kata Ketua Menteri. "Saya serahkan pada kebijaksanaan tuan."

Orang kampung Permatang Pinang menunggu cemas tarikh yang akan menentukan nasib jambatan tua mereka. Ketua Menteri menunggu dengan cemas kekacauan yang berlaku nanti. Tetapi semuanya sudah silap perhitungan. Tidak ada apa-apa yang berlaku setelah sebulan lebih tarikh kata dua itu berlalu.

"Saya sudah agak. Saya tahu perangai mereka," kata Ketua Menteri lega, dengan nada suara orang menang. "Mereka tidak berani. Kita perlu bijaksana. Dengan kebijaksanaan dan ketelitian perancangan, kita tidak saja dapat memiliki segala kepunyaan mereka dengan kerelaan mereka, malah kita juga dapat menguasai hati mereka untuk menurut kehendak kita. Yang perlu hanya kesabaran, dan pengetahuan yang simpatik, yang agak mendalam, tentang tabiat dan jalan fikiran mereka. Bagaimana gendang, begitulah tarinya. Jika mereka tersungkur di tengah pentas tarian, dalam keseronokan menari, maka mereka tidak merasa kalah atau malu. Tapi jika kita hunus pisau, dan mengajak bertikam di tengah gelanggang, kalah atau menang menjadi bala belaka. Mazlan budak-budak, saya tahu bagaimana nak *tackle* dia."

Dengan keyakinan itu, disertai perasaan menang, Ketua Menteri bersetuju meresmikan satu kilang baru di Padang Mak Andeh malam Jumaat akan datang.

Pada malam Jumaat yang panas dan berangin, ketika Ketua Menteri sedang berucap meresmikan sebuah kilang baru dekat dengan kampung Permatang Pinang, sekumpulan anak muda kampung itu mula menyekat kenderaan di kedua-dua kepala jambatan tua kampung mereka.

Kumpulan pemuda itu mengerjakannya dengan tenang dan aman damai, tanpa hiruk pikuk, tanpa jerit dan tengking, malah tanpa suara jika tidak perlu benar. Mereka melakukan kerja mereka dengan diam, dengan penuh syahdu, dengan penuh hormat, dengan ketenangan yang luar biasa. Orang-orang yang berkereta tidak berani berteriak membantah melihat ketenangan dan kesenyapan yang menakutkan itu, yang mistirus, yang mendebarkan hati sesiapa juga yang melihatnya. Para pemuda itu kelebihan seperti hantu-hantu yang menjelma dari roh manusia-manusia dan anak-anak tidak berdosa yang menjadi korban jambatan tua itu, atau korban para driver yang menggunakan jambatan itu.

Dengan tenang mereka mencurah bertin-tin minyak tanah ke atas jambatan itu. Kemudian kumpulan itu berpecah dua, berdiri di kedua-dua kepala jambatan itu. Sesaat kemudian api mula menyala dengan garang di kedua-dua kepala jambatan itu. Tidak ada suara orang bersorak atau menjerit. Hanya angin kering yang berdesir, membalias pelawaan api yang makin marak menyala. Hanya dua anasir alam itulah saja yang sapa menyapa, balas membalias gurauan masing-masing untuk memarakkan lagi julangan pucuk api yang menari dan melambai dalam belaihan angin kering malam Jumaat.

Penghuni kereta makin ramai bertempiaran lari bila bahang api semakin panas. Para pemuda dan orang kampung sudah tidak ada lagi di tempat itu bila kereta polis tiba. Orang-orang kampung sedang bertahlil beramai-ramai di masjid kampung mereka. Sekali sekala suara tahlil yang ramai itu terdengar sayup dibawa angin, disambut oleh pucuk api, seolah-olah menyahut panggilan tahlil.

Penghuni kenderaan yang ketakutan, terkejut dan bingung menghadapi kejadian yang ajaib, seolah-olah dilakukan oleh para hantu yang mengamuk, bertempiran lari bila diberi amaran oleh polis.

"Berhentikan api itu!" jerit polis bertalu-talu.

Serentak dengan itu pasukan bomba yang baru tiba mula memadamkan api itu.

"Berhentikan api! Bersurai!!"

Tidak ada yang bergerak. Tidak ada yang mahu lari lagi kerana mereka ingin menjaga harta dan kereta mereka.

Melihat kedegilan itu, beberapa das tembakan dilepaskan ke udara. Sesaat itu juga orang-orang yang terperangkap itu menyerbu masuk ke dalam kenderaan masing-masing, hingar bingar dengan tangisan perempuan dan anak-anak.

"Jangan lari, kami tembak!"

Tetapi mereka lari juga, bersembunyi di dalam kenderaan masing-masing. Bergerutup bunyi tembakan, diikuti dengan serta merta suara mengaduh dan menge rang.

"Jangan tembak. Kami bukan musuh!" jerit seorang.

Tetapi segala-galanya sudah terlewati. Beberapa mayat

sudah terbaring kena peluru sesat, peluru yang tak disengajakan, kerana ia ditujukan untuk orang lain.

Pasukan bomba pun tidak dapat berbuat apa-apa, kerana api yang mereka padamkan itu lari menjauhkan diri untuk membakar lebih marak di tengah-tengah jambatan. Api yang garang semakin mengecilkan dirinya, seakan-akan mengaku kalah kepada gema tahlil malam Jumaat yang semakin kuat dibawa angin yang mula bertiup dari satu penjuru pula, seperti ianya juga ingin memberitahukan kepada orang-orang yang kebingungan di sekitar jambatan yang sudah hangus itu akan betapa besarnya kekuasaan Tuhan dan betapa lemahnya rancangan manusia.

Bila kejadian itu diberitahu kepada Ketua Menteri, ia hampir-hampir menangis mendengar nama-nama korban yang dibacakan kepadanya.

"Mengapa ini semua boleh berlaku?" tanya Ketua Menteri sedih, kesal, marah, dan penuh dendam.

"Mengapa jadi begini?" ulang Ketua Menteri dengan kesal yang amat sangat.

Dia tidak pernah mengharapkan akan begitu kesudahannya. Apa yang berlaku adalah di luar dugaan dan perhitungannya sama sekali.

"Mereka perompak. Mereka pengkhianat. Penjahat!" sumpah Ketua Menteri dengan marah dan kesal. "Mereka telah membunuh orang-orang yang tidak berdosa dengan menggunakan tangan orang lain."

Tersekat suaranya, menahan tangis, waktu ia mengucapkan kata-kata yang terakhir itu.

"Panggil sidang akhbar," perintah Ketua Menteri. "Saya mau dedahkan kejahatan orang-orang kampung ini untuk diadili oleh seluruh rakyat. Semua mereka mesti dihukum!"

Sidang akhbar itu muram saja, penuh dengan kesedihan yang tak pernah dirancang, kesedihan yang sesungguhnya.

"Kami sudah sediakan peruntukan untuk membuat jambatan baru di kampung Permatang Pinang," kata Ketua Menteri tidak bermaya. "Wakil saya telah mengambil keputusan ini dalam perundingannya dengan orang-orang kampung. Tetapi mereka tidak sabar tidak akan melakukan tindakan jahat itu. Tetapi mereka melakukannya juga. Akibatnya mereka telah membunuh orang-orang yang tidak berdosa yang terperangkap dalam perbuatan jahat mereka. Saya dan rakan-rakan saya dan kerajaan saya mengucapkan takziah kepada semua yang terkorban atau cedera. Kerajaan saya akan memberi bantuan wang dan lain-lain kepada yang mati atau cedera."

Mazlan dan rakan-rakannya membaca kenyataan akhbar Ketua Menteri itu dengan tenang saja, tanpa senyum, tanpa memperlihatkan sebarang perasaan marah atau benci. Airmuka mereka agak muram, tetapi dicelah-celah kemuraman itu jelas terpancar cahaya kesyukuran seorang Muslim yang tahu doanya telah dimakbulkan. ●

Sambungan dari m.s. 14

Tetapi, menurut sumber-sumber lain yang boleh dipercayai, tanaman luar musim di Kedah dan Perlis pada tahun ini mungkin terpaksa dibatalkan sama sekali ataupun hanya akan menghasilkan 20% dari keluaran biasanya.

Walau apa pun yang akan berlaku, kesan kemarau tahun ini ke atas 63,000 keluarga di Kedah-P Perlis dan 25,000 lagi di Kelantan – adalah teruk sekali. Jumlah penge- luaran padi di kedua kawasan ini dijangkakan akan berkurangan se- banyak 400,000 ton. Ini bermakna bahawa petani padi akan kehilangan pendapatan sebanyak \$250 juta!

Keadaan ini adalah satu keadaan yang amat sensitif terutama pada masa pilihanraya. Oleh kerana itu, ada pihak berpendapat bahawa rancangan yang dilaksanakan oleh MADA setakat ini – iaitu cuba menangguh kesan buruk musim kemarau sehingga tahun depan – adalah berbau politik.

Menurut mereka, dengan menyelamatkan hasil padi musim utama dan melambatkan tanaman luar musim, pihak berkuasa akan dapat menghindar perasaan tidak puas hati di kalangan petani padi di kedua buah negeri ini dari timbul pada masa pilihanraya. Langkah ini adalah amat penting bagi UMNO untuk menghalang cabaran parti-parti pembangkang (khususnya PAS) di kedua-dua buah negeri tersebut.

Sejauhmana pendapat ini mempunyai asas yang kukuh memang sukar untuk ditentukan. Namun demikian, pihak berkuasa haruslah bersedia untuk mengatasi kesan-kesan buruk yang dihadapi oleh petani-petani padi akibat musim kemarau yang berpanjangan ini.

Sebahagian besar petani padi negeri ini masih lagi berada dalam kemiskinan. Menurut RM 4, pada tahun 1980, 55% dari keluarga petani padi adalah miskin. Kesan buruk kemarau ini sudah tentu menyempitkan lagi hidup keluarga-keluarga ini.

'PEMBURU' MEMBURU: ANTARA MUTU SENI DAN NILAI

Nur Seri

Pemburu, yang diarah oleh Rahim Razali, memang merupakan sebuah filem yang tinggi mutunya. Cara ceritanya disampaikan agak menarik, penggambarannya baik dan perlakunannya pun memuaskan. Ahmad Yatim sebagai Pemburu Khamis memainkan watak utamanya dengan baik.

Rahim Razali sendiri sebagai Inspektor Razif tidak terlalu *melo-dramatic* (berlakon secara melampau) kali ini jika dibanding dengan lakonannya dalam *Abang* atau di TV. Hanya *sound* sahaja yang kurang memuaskan; bunyi belakang (*background sound*) terlalu kuat dan terdapat banyak kekacauan sehingga dialog kadangkala tidak terdengar.

Walau bagaimanapun, cerita *Pemburu* ini boleh dikatakan kurang bermakna. Ceritanya adalah menge-nai bekas kepten askar Khamis, yang dipanggil 'Pemburu'. Dia datang ke Kuala Lumpur untuk membala dendam pembunuhan anaknya.

Dengan bantuan dua orang teman anaknya, Rosita (Sita) dan Mei, Khamis memburu pembunuhan-pembunuhan anaknya. Walaupun Pemburu Khamis berjaya mencari pembunuhan-pembunuhan anaknya, mulamulanya dia dihalang membunuh mereka oleh pihak polis, yang dipimpin oleh Razif.

Pihak Polis sendiri nampaknya tidak dapat menghukum mereka kononnya kerana kurang bukti. Akhirnya, Pemburu Khamis me-nembak semua pembunuhan itu tetapi dia sendiri kena tembak oleh pihak



polis dalam satu adegan yang dramatis.

Telah diperkatakan bahawa soal pokok dalam filem *Pemburu* adalah perbezaan antara dendam dengan keadilan. Kononnya, Pemburu Khamis membala dendam pembunuhan anaknya tetapi dia bertentangan dengan pihak polis yang kononnya mempertahankan konsep keadilan, iaitu konsep yang lebih mulia daripada konsep dendam.

Konsep Keadilan

Tetapi jika kita memperhatikan *Pemburu* dari perspektif yang lain, apa yang dilakukan oleh Pemburu Khamis berasaskan pada suatu konsep keadilan juga walaupun konsepnya tersendiri. Sistem keadilannya bertentangan dengan sistem keadilan yang termaktub dalam undang-undang, yang diwakili oleh pihak polis dalam filem ini.

Walaupun sistem keadilan menurut undang-undang adalah lebih mulia daripada sistem keadilan ber- asaskan dendam, apakah sistem keadilan undang-undang sekarang adalah yang paling adil mungkin?

Sebenarnya, *Pemburu* memupuk penghormatan terhadap undang-undang serta pihak polis sebagai pembela keadilan dengan menyamakan kesemuanya. Tetapi dari kehidupan harian, kita sedar bahawa undang-undang tidak semestinya adil, sedangkan pihak polis lebih mempertahankan *status quo* dari keadilan dan kadangkala juga mencerobohkannya. Dari segi keadilan *Pemburu* memburu-buru sahaja.

Buku-buku yang boleh dipesan daripada Nadi Insan:

- | | | |
|---|--|---------|
| 1 | Merintis Jalan Ke Puncak (oleh Ahmad Boestamam) | \$ 4.50 |
| 2 | Dr. Burhanuddin: Putera Setia Melayu Raya (oleh Ahmad Boestamam) | \$ 3.00 |
| 3 | Bumi Manusia (oleh Pramoedya Ananta Toer) | \$12.00 |
| 4 | Anak Semua Bangsa (oleh Pramoedya Anata Toer) <u>Baru!</u> | \$15.00 |
| 5 | Mereka Yang Terbiar (oleh Hasnul Hadi) <u>Baru!</u> | \$ 8.00 |
| 6 | British Malaya - An Economic Analysis (by Li Dun Jen) <u>Baru!</u> | \$ 8.00 |

Baru! 7 Sosiologi Korupsi (oleh Syed Hussein Alatas) \$13.50

Dan juga; buku-buku Indonesia:—

<i>Judul & Pengarang/Penyunting</i>	<i>Harga</i> (termasuk pos)
8 Indonesia: Ketergantungan dan Keterbelakangan (oleh Adi Sasono & Sritua Arief)	\$11.50
9 Potret Pembangunan Dalam Puisi (oleh W.S. Rendra)	\$13.50
10 Kecil Itu Indah (oleh E.F. Schumacher)	\$16.50
11 Keluar Dari Kemelut (oleh E.F. Schumacher)	\$15.00
12 Moral Ekonomi Petani (oleh James C. Scott)	\$21.50
13 Objektivitas Penelitian Sosial (oleh Gunnar Myrdal)	\$ 8.50
14 Elite Dalam Perspektif Sejarah (penyunting: Sartono Kartodirjo)	\$18.50
15 Manusia Dalam Kemelut Sejarah (Redaksi: Taufik Abdullah, Aswab Mahasin, Daniel Dhakidae)	\$10.00
16 Pergolakan Pemikiran Islam (Catatan Harian Ahmad Wahib) (Kata Pengantar: H.A. Mukti Ali)	\$15.00
17 Gerakan Modern Islam Di Indonesia, 1900–1942 (oleh Deliar Noer)	\$28.50
18 Segi-segi Sosial Budaya Masyarakat Aceh (Penyunting: Alfian)	\$13.50
19 Agama, Etos Kerja dan Perkembangan Ekonomi (Penyunting: Taufik Abdullah)	\$ 7.00

Borang Pesanan

Sila Hantarkan :-

Nama: _____

Alamat: _____

Jumlah bayaran: _____

No. Kiriman Wang/Pos/Cek. .

**Sila kembalikan pesanan
serta bayaran kepada:-
INSAN, Peti Surat 26,
Kajang, Selangor.**

UNTUK NUSA DAN BANGSA



**Cable: WATANIAH Kuala Lumpur
P.O. Box 2454**

**399-A, Jalan Tuanku Abdul Rahman,
Kuala Lumpur.
Tel: 980044**

Nasib Buruh

Melarat di sepanjang jalan hidup,
Tidak kira, tubuh perit dipanggang suria,
Tidak hirau, dingin hujan menyiram muka,
Terus bekerja . . . terus pula menderita.

Di rumah anak-anak dan isteri muram durja,
Apa untuk dimakan segala tiada,
Pakaian compang-camping,
Namuun . . . hidup diteruskan juga.

Sumpah seranah majikan,
Segala diterima dengan senyum getir,
Patuh dalam kesabaran derita,
Untuk sesuatu yang diterima.

Tapi semakin ditindas-tindas,
Jiwa buruh semakin bergelora
Bersatu, bertengger bersama dan berjuang
Menempui turut hidup secara manusia

Usman Aswangs

